

# SONY®

## Home Audio System

### Arahan Pengendalian

---

Bersedia untuk Mula

---

Main Balik Cakera/USB

---

Pindah USB

---

Penala

---

BLUETOOTH

---

Pelarasan Bunyi

---

Pengendalian Lain

---

Maklumat Tambahan

---

## AMARAN

Untuk mengurangkan risiko kebakaran, jangan menutup bukaan pengudaraan perkakas dengan surat khabar, alas meja, langsir, dsb. Jangan mendedahkan perkakas kepada punca api yang terdedah (misalnya, lilin yang menyala).

Untuk mengurangkan risiko kebakaran atau kejutan elektrik, jangan dedahkan perkakas ini kepada titisan atau percikan air, dan jangan menempatkan objek yang berisi cecair, seperti pasu, di atas perkakas ini.

Oleh kerana palam utama digunakan untuk menyahsambung unit dari saluran utama, sambungkan unit kepada saluran keluar AC yang boleh diakses dengan mudah. Sekiranya anda menyedari ketidaknormalan dalam unit, nyahsambungkan palam utama dari saluran keluar AC dengan serta-merta.

Jangan pasang perkakas dalam ruang tertutup, seperti rak buku atau kabinet terbina dalam.

Jangan dedahkan bateri atau perkakas yang telah dipasang bateri kepada haba berlebihan seperti cahaya matahari dan api.

Unit tidak dinyahsambungkan dari saluran utama selagi ia disambungkan kepada saluran keluar AC walaupun unit sendiri telah dimatikan.

Kegunaan dalam bangunan sahaja.

## AWAS

Penggunaan peralatan optik dengan produk ini akan meningkatkan bahaya mata.

Sistem ini direka bentuk untuk digunakan bagi tujuan berikut:

- Memainkan balik sumber muzik/ video/gambar pada cakera atau peranti USB
- Memindahkan muzik ke peranti USB
- Mendengar stesen radio
- Mendengar bunyi TV
- Memainkan balik sumber muzik pada peranti BLUETOOTH
- Menikmati keramaian sosial dengan fungsi "Rantaian Parti"

## Notis Lesen dan Tanda Dagangan

- **DVD** adalah tanda dagangan DVD Format/Logo Licensing Corporation.
- Logo-logo “DVD+RW”, “DVD-RW”, “DVD+R”, “DVD-R”, “DVD VIDEO” dan “CD” adalah tanda dagangan.
- WALKMAN® dan logo WALKMAN® adalah tanda dagangan berdaftar Sony Corporation.
- Teknologi pengekodan audio MPEG Lapisan 3 dan paten adalah dilesen daripada Fraunhofer IIS dan Thomson.
- Windows Media adalah sama ada tanda dagangan berdaftar atau tanda dagangan Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.
- Produk ini dilindungi oleh hak harta intelektual tertentu Microsoft Corporation. Penggunaan atau pengedaran teknologi sedemikian di luar produk ini adalah dilarang tanpa lesen daripada Microsoft subsidiari Microsoft yang dibenarkan.
- Sistem ini menggabungkan Dolby\* Digital.  
\* Dikilang di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby dan simbol dua D adalah cap dagang Dolby Laboratories.
- Tanda kata dan logo BLUETOOTH® ialah tanda dagangan berdaftar dan dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan apa-apa penggunaan tanda sedemikian oleh Sony Corporation adalah di bawah lesen. Tanda dagangan dan nama dagang lain adalah milik pemiliknya masing-masing.
- N Mark ialah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar NFC Forum, Inc. di Amerika Syarikat dan di negara-negara lain.
- Android™ ialah tanda dagangan Google Inc.

- Google Play™ ialah tanda dagangan Google Inc.
- Apple, logo Apple, iPhone dan iPod touch ialah tanda dagang Apple Inc., yang berdaftar di Amerika Syarikat dan negara-negara lain. App Store ialah tanda perkhidmatan Apple Inc.
- “Made for iPod” dan “Made for iPhone” bermakna bahawa aksesori elektronik telah direka bentuk untuk menyambungkan secara khusus kepada iPod atau iPhone, masing-masing, dan telah diperakui oleh pembangunnya untuk memenuhi piawaian prestasi Apple. Apple tidak bertanggungjawab terhadap operasi peranti ini atau pematuhannya dengan piawaian keselamatan dan kawal selia. Sila ambil perhatian bahawa penggunaan aksesori ini dengan iPod atau iPhone boleh menjejaskan prestasi wayarles.

- PRODUK INI DILESEN DI BAWAH LESEN PORTFOLIO PATEN VISUAL MPEG-4 UNTUK KEGUNAAN PERIBADI DAN BUKAN KOMERSIAL PENGGUNA UNTUK

(i) MENGEKOD VIDEO YANG MEMATUHI STANDARD VISUAL MPEG-4 ("MPEG-4 VIDEO")

DAN/ATAU


(ii) MENYAHKOD VIDEO MPEG-4 YANG TELAH DIKOD OLEH PENGGUNA YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI PERIBADI DAN BUKAN KOMERSIAL DAN/ ATAU DIPEROLEH DARIPADA PEMBEKAL VIDEO YANG BERLESEN MENYEDIAKAN VIDEO MPEG-4.

TIADA LESEN AKAN DIBERI ATAU TERSIRAT UNTUK KEGUNAAN LAIN. MAKLUMAT TAMBAHAN TERMASUK YANG BERKENAAN DENGAN KEGUNAAN DAN PELESENAN DALAM PROMOSI, DALAMAN DAN KOMERSIAL BOLEH DIDAPATI DARIPADA MPEG LA, L.L.C. [HTTP://WWW.MPEGLA.COM](http://www.mpegla.com)

- Semua tanda dagang lain adalah tanda dagang pemiliknya masing-masing.
- Dalam manual ini, tanda <sup>TM</sup> dan <sup>®</sup> tidak dinyatakan.

---

## Perihal manual ini

- Manual ini banyak menerangkan pengendalian yang menggunakan alat kawalan jauh, tetapi pengendalian yang sama juga boleh dilakukan dengan menggunakan butang pada subwufer yang mempunyai nama yang sama atau serupa.
- Ikon, seperti , yang disenaraikan di bahagian atas setiap penjelasan menunjukkan jenis media yang boleh digunakan dengan fungsi yang diterangkan.
- Sesetengah ilustrasi ditunjukkan sebagai lukisan konsep, dan mungkin berbeza daripada produk sebenar.
- Item yang dipaparkan di skrin TV mungkin berbeza bergantung pada kawasan.
- Pengesetan lalai digaris bawah.
- Teks yang terkurung dalam tanda kurung ([--]) muncul di skrin TV, dan teks yang terkurung dalam tanda petikan berganda ("--") muncul di paparan.

---

# Jadual Kandungan

Perihal manual ini .....	4
Cakera/fail yang boleh dimainkan pada atau Cakera/peranti USB .....	7
Tapak web peranti yang serasi .....	10
Panduan tentang bahagian dan kawalan .....	11

---

## Bersedia untuk Mula

Buka bungkusannya .....	17
Memasang sistem .....	17
Menyambungkan sistem dengan selamat .....	23
Menyahaktifkan demonstrasi .....	25
Memasukkan bateri .....	25
Persediaan untuk bunyi TV .....	26
Mengangkat sistem .....	28
Menukar sistem warna .....	29
Melaksanakan persediaan pantas .....	29
Mengesetkan jam .....	30
Menukar mod paparan .....	30

---

## Main Balik Cakera/USB

Sebelum menggunakan peranti USB .....	31
Main balik asas .....	31
Pengendalian main balik lain .....	33
Menggunakan mod main .....	36
Membataskan main balik cakera .....	39
Melihat maklumat cakera dan peranti USB .....	40
Menggunakan Menu Persediaan .....	41

---

## Pindah USB

Sebelum menggunakan peranti USB .....	45
Memindahkan muzik .....	45

---

## Penala

Mendengar radio .....	50
-----------------------	----

---

## BLUETOOTH

Tentang BLUETOOTH teknologi wayarles.....	51
Menjadikan sistem ini berpasangan dengan peranti BLUETOOTH.....	52
Mendengar muzik pada peranti BLUETOOTH.....	53
One Touch (Satu Sentuhan) BLUETOOTH Sambungan oleh NFC.....	54
Mengesetkan codec audio BLUETOOTH .....	56
Mengesetkan mod tunggu sedia BLUETOOTH.....	56
Menghidupkan atau mematikan isyarat BLUETOOTH .....	57
Menggunakan "SongPal" melalui BLUETOOTH.....	57

---

## Pelarasan Bunyi

Melaraskan bunyi .....	58
Melaraskan aras subwufer... ..	58
Memilih mod Bola Sepak Maya.....	59
Mewujudkan kesan bunyi anda sendiri .....	59
Mencipta suasana parti (DJ EFFECT) .....	60

---

## Pengendalian Lain

Menggunakan fungsi Rantaian Parti .....	61
Nyanyi bersama-sama: Karaoke .....	64
Menikmati muzik dengan Lampu Parti dan Lampu Pembesar Suara .....	65
Menggunakan pemasa .....	66
Menggunakan kelengkapan opsyenal .....	68
Menyahaktifkan butang pada subwufer (Kunci Kanak-kanak) .....	68
Mengesetkan fungsi tunggu sedia automatik .....	69
Mengemas kini perisian .....	69

---

## Maklumat Tambahan

Penyelesaian Masalah .....	70
Langkah berjaga-jaga .....	80
Spesifikasi .....	83
Senarai kod bahasa.....	86

---

# Cakera/fail yang boleh dimainkan pada atau Cakera/peranti USB

## Cakera yang Boleh Dimainkan

- DVD VIDEO
- DVD-R/DVD-RW dalam format DVD VIDEO atau mod video
- DVD+R/DVD+RW dalam format DVD VIDEO
- VIDEO CD (Ver. cakera 1.0, 1.1 dan 2.0)
- Super VCD
- CD-R/CD-RW/CD-ROM dalam format VIDEO CD atau format Super VCD
- AUDIO CD
- CD-R/CD-RW dalam format AUDIO CD

## Fail yang boleh dimainkan pada Cakera/peranti USB

- Muzik: Fail MP3<sup>1)2)</sup> (.mp3), fail WMA<sup>2)3)</sup> (.wma), fail AAC<sup>2)3)</sup> (.m4a/.mp4/.3gp)
- Foto: Fail JPEG<sup>4)</sup> (.jpg/.jpeg/.jpe)
- Video: Fail MPEG4<sup>5)</sup> (.mp4/.m4v), fail Xvid (.avi)

## Nota

- Cakera mestilah mengikut format yang berikut:
  - CD-ROM/-R/-RW dalam format DATA CD yang mengandungi fail MP3<sup>1)2)</sup>, JPEG<sup>4)</sup>, MPEG4<sup>5)</sup> dan Xvid, dan mematuhi ISO 9660<sup>6)</sup> Aras 1/Aras 2 atau Joliet (format panjang).
  - DVD-ROM/-R/-RW/+R/+RW dalam format DATA DVD yang mengandungi fail MP3<sup>1)2)</sup>, JPEG<sup>4)</sup>, MPEG4<sup>5)</sup> dan Xvid, dan mematuhi UDF (Universal Disk Format).
- Sistem ini akan cuba memainkan balik apa-apa data dengan sambungan di atas, walaupun ia bukan dalam format MP3/WMA/AAC/JPEG/MPEG4/Xvid. Memainkan data ini boleh menjana bunyi kuat yang boleh merosakkan sistem pembesar suara anda.
  - <sup>1)</sup> MP3 (MPEG 1 Audio Layer 3) ialah format piawai yang ditakrifkan oleh ISO/MPEG untuk data audio mampat. Fail MP3 mestilah dalam format MPEG 1 Audio Layer 3.
  - <sup>2)</sup> Fail dengan perlindungan hak cipta (Digital Rights Management) tidak boleh dimainkan balik oleh sistem.
  - <sup>3)</sup> Peranti USB sahaja.
  - <sup>4)</sup> Fail JPEG mesti mematuhi format fail imej DCF. (DCF "Peraturan Reka Bentuk Sistem Fail Kamera": Piawaian imej bagi kamera digital yang dikawal selia oleh Persatuan Industri Elektronik dan Teknologi Maklumat Jepun (JEITA).)
  - <sup>5)</sup> Fail MPEG4 mesti dirakamkan dalam format fail MP4. Codec video dan codec audio yang disokong adalah seperti berikut:
    - Codec video: Profil Mudah MPEG4 (AVC tidak disokong.)
    - Codec audio: AAC-LC (HE-AAC tidak disokong.)
  - <sup>6)</sup> Format logik bagi fail dan folder pada CD-ROM, ditakrifkan oleh ISO (International Organization for Standardization).

## **Cakera/fail yang tidak boleh dimainkan balik**

- Anda tidak boleh memainkan balik cakera yang berikut
  - BD (Cakera Blu-ray)
  - CD-ROM yang dirakamkan dalam format PHOTO CD
  - Bahagian data CD-Extra atau Mixed Mode CD\*
  - Cakera CD Graphics
  - Super Audio CD
  - DVD Audio
  - DATA CD/DATA DVD yang dicipta dalam format Packet Write
  - DVD-RAM
  - DATA CD/DATA DVD yang tidak dimuktamadkan dengan betul
  - DVD-R/-RW serasi CPRM (Content Protection for Recordable Media) yang dirakamkan dalam atur cara Copy-Once
  - Cakera yang mempunyai bentuk tidak piawai (misalnya, jantung, segi empat sama, bintang)
  - Cakera yang terlekat padanya pita pelekat, kertas, atau pelekat.
- Anda tidak boleh memainkan balik fail yang berikut
  - Fail JPEG yang lebih besar daripada 3,072 (lebar) × 2,048 (tinggi) piksel dalam mod normal, atau lebih daripada 3,300,000 piksel dalam mod JPEG Progresif yang digunakan terutamanya di tapak web Internet.
  - Fail video yang lebih besar daripada 720 (lebar) × 576 (tinggi) piksel.
  - Fail imej dan fail video dengan nisbah lebar kepada panjang yang tinggi.
  - Fail WMA dalam format WMA DRM, WMA Lossless, atau WMA PRO.
  - Fail AAC dalam format AAC DRM atau AAC Lossless.
  - Fail AAC yang dikodkan pada 96 kHz.
  - Fail yang dienkrripsi atau dilindungi dengan kata laluan.
  - Fail dengan perlindungan hak cipta DRM (Digital Rights Management).
  - Fail audio MP3 PRO boleh dimainkan balik sebagai fail MP3.
  - Sistem mungkin tidak boleh memainkan balik fail Xvid sekiranya fail telah digabungkan daripada dua atau beberapa fail Xvid.
  - Sistem tidak boleh memainkan balik sesetengah fail Xvid yang lebih panjang daripada 2 jam.

\* Mixed Mode CD: Format ini merakamkan data pada runut pertama dan audio (data AUDIO CD) pada runut kedua dan seterusnya dalam suatu sesi.



## **Nota tentang CD-R/-RW dan DVD-R/-RW/+R/+RW**

- Dalam hal tertentu, CD-R/-RW dan DVD-R/-RW/+R/+RW tidak boleh dimainkan balik pada sistem ini disebabkan kualiti rakaman atau keadaan fizikal cakera tersebut, atau ciri-ciri peranti rakaman dan perisian pengarangan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada arahan pengoperasian peranti rakaman.
- Sesetengah fungsi main balik mungkin tidak berfungsi dengan sesetengah DVD+R/+RW, walaupun ia telah dimuktamadkan dengan betul. Dalam hal ini, lihat cakera dengan main balik normal.

## **Nota tentang cakera**

- Produk ini direka bentuk untuk memainkan balik cakera yang mematuhi piawaian Cakera Padat (CD).
- DualDisc dan sesetengah cakera muzik yang dikodkan dengan teknologi perlindungan hak cipta tidak mematuhi piawaian CD. Oleh itu, cakera ini mungkin tidak serasi dengan produk ini.

## **Nota tentang cakera berbilang sesi**

Sistem ini boleh memainkan balik sesi berterusan pada cakera yang dirakam dengan format yang sama seperti sesi pertama. Walau bagaimanapun, main balik tidak dijamin.

## **Nota tentang operasi main balik DVD VIDEO dan VIDEO CD**

Sesetengah operasi main balik pada DVD VIDEO atau VIDEO CD mungkin sengaja dibataskan oleh pengeluar perisian. Oleh itu, beberapa ciri main balik mungkin tidak boleh didapati. Pastikan anda membaca arahan pengendalian DVD VIDEO atau VIDEO CD.

## **Nota tentang fail yang boleh dimainkan**


- Main balik mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk mula sekiranya:
  - peranti DATA CD/DATA DVD/USB dirakam dengan struktur pepohon yang rumit.
  - fail audio, fail imej, atau fail video dalam folder lain baru sahaja dimainkan balik.
- Sistem ini boleh memainkan balik DATA CD/DATA DVD atau peranti USB dalam keadaan yang berikut:
  - sehingga kedalaman 8 folder
  - sehingga 300 folder
  - sehingga 999 fail dalam cakera
  - sehingga 2,000 fail pada peranti USB
  - sehingga 650 fail dalam folderBilangan ini mungkin berbeza bergantung pada konfigurasi fail atau folder.
- Folder yang tidak mempunyai fail audio, fail imej, atau fail video dilangkau.
- Fail yang dipindahkan oleh peranti seperti komputer mungkin tidak boleh dimainkan balik mengikut urutan ia dipindahkan.
- Tertib main balik mungkin tidak dipakai bergantung pada perisian yang digunakan untuk mencipta fail audio, fail imej atau fail video.

- Keserasian dengan semua perisian pengekodan/penulisan MP3/WMA/AAC/MPEG4/Xvid, peranti rakaman, dan media rakaman tidak dapat dijamin.
- Bergantung pada fail Xvid, gambar mungkin tidak jelas atau bunyi boleh melompat.

### Nota tentang peranti USB

- Sistem ini tidak dijamin untuk beroperasi dengan semua peranti USB.
- Walaupun terdapat pelbagai fungsi yang kompleks untuk peranti USB, kandungan peranti USB yang disambungkan kepada sistem yang boleh dimainkan ialah muzik, foto, dan video sahaja. Untuk butir-butir, rujuk kepada arahan operasi peranti USB.
- Apabila peranti USB dimasukkan, sistem membaca semua fail pada peranti USB. Jika terdapat banyak folder atau fail pada peranti USB, masa yang lama mungkin diperlukan untuk membaca seluruh peranti USB.
- Jangan menyambungkan sistem dengan peranti USB melalui hab USB.
- Bagi sesetengah peranti USB, mungkin terdapat langkah sebelum operasi dilaksanakan oleh sistem ini.
- Tertib main balik untuk sistem mungkin berbeza daripada tertib main balik peranti USB yang tersambung.
- Sebelum menggunakan peranti USB, pastikan bahawa tiada fail yang dijangkiti virus berada pada peranti USB.

### Kod kawasan

Sistem anda mempunyai kod kawasan dan hanya akan memainkan balik DVD VIDEO yang dilabelkan dengan kod kawasan yang sama atau .

---

## Tapak web peranti yang serasi

Semak tapak web di bawah ini untuk maklumat terkini tentang peranti USB dan BLUETOOTH yang serasi.

### Untuk pelanggan di Amerika Latin:

<<http://esupport.sony.com/LA>>

### Untuk pelanggan di Eropah dan Rusia:

<<http://www.sony.eu/support>>

### Untuk pelanggan di negara/kawasan lain:

<<http://www.sony-asia.com/support>>

## Tentang BLUETOOTH komunikasi untuk iPhone dan iPod touch


### Diperbuat untuk

- iPhone 6 Plus
- iPhone 6
- iPhone 5s
- iPhone 5c
- iPhone 5
- iPhone 4s
- iPhone 4
- iPhone 3GS
- iPod touch (Generasi ke-5)
- iPod touch (Generasi ke-4)

## Panduan tentang bahagian dan kawalan

Anda boleh mengunci butang kecuali I/⏻ (buka/bersedia) pada subwufer untuk mengelakkannya dikendalikan secara tidak sengaja (halaman 68).

### Subwufer Aktif



\* Jangan memandang terus di bahagian pancaran cahaya apabila Lampu Pembesar Suara dan Lampu Parti dihidupkan.

## Sistem Pembesar Suara



### 1 Butang I/⏻ (buka/bersedia)

Tekan untuk menghidupkan sistem, atau setkannya kepada mod tunggu sedia.

**Butang PARTY LIGHT**  
(halaman 65)

### 2 Butang ► (main)<sup>1)</sup>

Tekan untuk memulakan main balik.

Tahan ► pada subwufer lebih daripada 2 saat, demonstrasi bunyi terbina dalam akan dimainkan balik. Tekan ■ untuk menghentikan demonstrasi.

**Butang ■ (henti)**

- Tekan untuk menghentikan main balik. Jika ditekan dua kali, sambung semula main balik boleh dibatalkan.
- Tekan untuk menghentikan pemindahan semasa pindah muzik.
- Tekan untuk menghentikan demonstrasi bunyi terbina dalam.

**Butang BLUETOOTH-PAIRING**

- Tekan untuk memilih fungsi BLUETOOTH.
- Tahan untuk mengaktifkan perpasangan BLUETOOTH dalam fungsi BLUETOOTH.

**Penunjuk BLUETOOTH**  
(halaman 51)

**Butang MEGA BASS**  
(halaman 58)

**Penunjuk MEGA BASS**  
(halaman 58)

### 3 Butang FUNCTION<sup>2)</sup>

**Butang SOUND FIELD<sup>2)</sup>**

**Butang LIGHT MODE**  
(halaman 65)

**Butang ENTER**

Tekan untuk memasukkan/ mengesahkan pengesetan.

**Tombol MULTI CONTROL**


Putar untuk memilih fungsi, medan bunyi atau mod cahaya.

### 4 Butang FLANGER, ISOLATOR, SAMPLER, DJ OFF (halaman 60)


**Butang REC TO USB**

Tekan untuk memindahkan muzik ke peranti USB yang tersambung ke port  $\Psi$  (USB) 2.


**Butang PARTY CHAIN**  
(halaman 63)

**5 Port  (USB) 1 (PLAY)**

Gunakan untuk menyambung peranti USB. Port USB ini boleh digunakan hanya untuk main balik.

**Port  (USB) 2 (REC/PLAY)**

Gunakan untuk menyambung peranti USB. Port USB ini boleh digunakan untuk main balik dan juga pindah muzik.

**6  (N-Mark) (halaman 55)**

**7 Paparan**


**8 Jek MIC 1/2**

Gunakan untuk menyambung mikrofon.

**Butang VOCAL FADER  
(halaman 64)**



**Butang MIC ECHO  
(halaman 64)**

**Tombol MIC LEVEL (MIN/MAX)  
(halaman 64)**

**9 Butang  +/- (pilih folder)**

Tekan untuk memilih folder pada cakera data atau peranti USB.

**Butang S1, S2 (halaman 60)**

**Butang   (undur/  
mara)**


Tekan untuk memilih runut atau fail.

**Butang TUNING+/-  
(halaman 50)**

**Butang S3, S4 (halaman 60)**

**10 Butang FOOTBALL  
(halaman 59)**

Tekan berulang kali untuk memilih mod peningkatan sorakan stadium untuk menonton perlawanan siaran bola sepak.

**Butang  (buka/tutup)**


Tekan untuk membuka atau menutup dulang cakera.

**11 Tombol VOLUME/DJ CONTROL**


- Putar untuk melaraskan kelantangan. Anda tidak boleh menggunakan tombol ini untuk melaraskan kelantangan apabila DJ EFFECT atau SAMPLER dipilih.
- Putar untuk melaraskan kesan FLANGER dan ISOLATOR atau output kesan bunyi SAMPLER secara berterusan (halaman 60).

**12 Penderia alat kawalan jauh**

**13 Dulang cakera**

- <sup>1)</sup> Butang  pada subwufer mempunyai bintik sentuhan. Gunakan bintik sentuhan sebagai rujukan semasa mengendalikan sistem.
- <sup>2)</sup> Selepas menekan butang FUNCTION atau SOUND FIELD, putar tombol MULTI CONTROL untuk memilih fungsi atau medan bunyi yang anda mahu, kemudian tekan butang ENTER.

## Alat kawalan jauh



### 1 Butang DISPLAY

Tekan untuk menukar maklumat pada paparan.

### Butang DISPLAY<sup>1)</sup>

Tekan untuk melihat atau menyembunyikan paparan pada skrin.

### Butang SLEEP (halaman 66)

### Butang TIMER MENU<sup>1)</sup> (halaman 30, 66)

### Butang I/⏻ (buka/bersedia)

Tekan untuk menghidupkan sistem, atau setkannya kepada mod tunggu sedia.

### 2 Butang PARTY LIGHT (halaman 65)

### Butang LIGHT MODE (halaman 65)

### Butang PLAY MODE (halaman 36)

### Butang REPEAT/FM MODE (halaman 38, 50)

### 3 Butang SOUND FIELD (MUSIC, VIDEO, FOOTBALL) (halaman 58)

#### 4 Butang Angka<sup>1)2)</sup>

- Tekan untuk memilih runut, bab atau fail dengan nombor itemnya.
- Tekan untuk memasukkan nombor atau nilai.

**Butang SUBTITLE**  
(halaman 35)

**Butang AUDIO<sup>2)</sup>**  
(halaman 35, 40)

**Butang ANGLE**  
(halaman 34)

**Butang SETUP**  
(halaman 41)


**Butang MEDIA MODE**  
Tekan untuk memilih media untuk dimainkan balik pada cakera data atau peranti USB.

**Butang CLEAR**  
(halaman 33, 38)

**Butang VOCAL FADER**  
(halaman 64)

**Butang MIC ECHO**  
(halaman 64)

**Butang SCORE**  
(halaman 65)

**Butang  +/- (pilih folder)**  
Tekan untuk memilih folder pada cakera data atau peranti USB.


**Butang KEY CONTROL b/#**  
(halaman 64)


5 **Butang DVD TOP MENU**  
Tekan untuk memaparkan judul DVD pada skrin TV.

**Butang DVD/TUNER MENU**  
(halaman 33, 34, 51)

**Butang RETURN**  
(halaman 33)

**Butang OPTIONS**  
Tekan untuk masuk atau keluar menu opsyen.

**Butang **  
Tekan untuk memilih item menu.


**Butang **  
Tekan untuk memasukkan/ mengesahkan pengesetan.

6 **Butang MEGA BASS**  
(halaman 58)

**Butang FUNCTION +/-**  
Tekan untuk memilih fungsi.

**Butang SEARCH**  
(halaman 33, 34)

**Butang SHIFT<sup>1)</sup>**  
Tahan untuk mengaktifkan butang yang dicetak dengan warna merah jambu.

**Butang  +/-<sup>2)</sup>**  
Tekan untuk melaraskan kelantangan.

**7** Butang ◀◀/▶▶ (mandir/ mara cepat) (halaman 33)  
Tekan untuk mencari titik pada runut atau fail semasa main balik.

**Butang ◀|▶ (undur perlahan/mara perlahan) (halaman 33)**

Tekan untuk menonton dalam gerak perlahan.

**Butang TUNING+/- (halaman 50)**

**Butang ▶ (main)<sup>2)</sup>**

Tekan untuk memulakan main balik.

**Butang ◀◀/▶▶ (undur/mara)**

Tekan untuk memilih runut atau fail.

**Butang PRESET+/- (halaman 51)**

**Butang ■ (jeda)**

Tekan untuk menjeda main balik. Untuk menyambung semula main balik, tekan ▶.

**Butang ■ (henti)**

- Tekan untuk menghentikan main balik. Jika ditekan dua kali, sambung semula main balik boleh dibatalkan.
- Tekan untuk menghentikan pemindahan semasa pindah muzik.
- Tekan untuk menghentikan demonstrasi bunyi terbina dalam.

<sup>1)</sup> Butang ini dicetak dengan warna merah jambu pada alat kawalan jauh. Untuk menggunakan butang ini, tahan butang SHIFT (◻), kemudian tekan butang ini.

<sup>2)</sup> Butang angka 2/AUDIO, ◀ + dan butang ▶ pada alat kawalan jauh mempunyai bintik sentuhan. Gunakan bintik sentuhan sebagai rujukan semasa mengendalikan sistem.



### Buka bungkusan

- Alat kawalan jauh (1)
- Bateri R03 (saiz AAA) (2)
- Kaki pembesar suara (2)
- Kord pembesar suara (1)
- Pad pembesar suara (8)
- Antena kabel FM/gelung AM (1)
- Kord kuasa AC (1)
- Kabel digital optik (1)
- Kord video (1)
- Penyesuai Palam AC\* (1) (hanya dibekalkan untuk kawasan tertentu)

\* Penyesuai palam ini tidak boleh digunakan di Chile, Paraguay dan Uruguay. Gunakan penyesuai palam ini di negara-negara yang memerlukannya.

Sistem terdiri daripada:

- Subwufer aktif: SA-WGT5D (1)
- Sistem pembesar suara: SS-GT5DB (2)


#### Nota

Semasa membuka bungkusan karton, pastikan dua orang mengendalikan subwufer. Jika subwufer terjatuh, ia boleh menyebabkan kecederaan diri dan/atau kerosakan harta.


## Memasang sistem

Ilustrasi di bawah adalah contoh bagaimana untuk memasang sistem.


- Dengan menggunakan kaki pembesar suara (halaman 18) yang dibekalkan, pasang unit pembesar suara secara menegak di kiri kanan TV pada rak




- Menggabungkan unit pembesar suara (Gaya bar bunyi) dan memasang unit gabungan pada rak TV (halaman 19)




- Memasang unit pembesar suara sebagai unit gabungan (Gaya bar bunyi) pada dinding (halaman 20)



- Memasang unit pembesar suara pada rod subwufer (Gaya tatasusunan barisan) (halaman 21)




- Letakkan subwufer sekurang-kurangnya 8 cm dari dinding untuk mengelakkan kerosakan kord kuasa AC yang terjulur.



### Nota

- Jangan biarkan kanak-kanak atau bayi berada dekat dengan sistem.
- Jangan memasang sistem dalam kedudukan cerun.
- Ikuti langkah berjaga-jaga berikut apabila memasang sistem pembesar suara dan subwufer.
  - Jangan menyekat lubang pengudaraan pada panel belakang subwufer.
  - Jangan meletakkan sistem pembesar suara dan subwufer dalam kabinet logam.
  - Jangan meletakkan objek seperti akuarium di antara sistem pembesar suara dengan subwufer.
  - Letakkan subwufer dekat dengan sistem pembesar suara dalam bilik yang sama.
- Apabila sistem pembesar suara yang diletakkan di hadapan TV, pastikan skrin TV atau penerima alat kawalan jauh TV tidak terhalang. Jika penerima alat kawalan jauh TV dihalang oleh sistem pembesar suara, alat kawalan jauh mungkin tidak dapat mengawal TV.




### Memasang kaki pembesar suara

Pasang kaki pembesar suara seperti yang ditunjukkan di bawah. Pastikan anda menggunakan kaki pembesar suara yang sepadan untuk unit pembesar suara kiri dan kanan.

#### ■ Untuk unit pembesar suara kiri


Masukkan bahagian bertingkat kaki pembesar suara ke dalam kawasan berlekuk unit pembesar suara dan gelongsorkan kaki dalam arah anak panah **A** sehingga berdetap ke dalam kedudukannya.



Semasa menggelongsorkan kaki, cangkuk pada kaki dan unit pembesar suara mengunci antara satu sama lain.

## ■ Untuk unit pembesar suara kanan

Masukkan bahagian bertingkat unit pembesar suara ke dalam kawasan berlekuk kaki pembesar suara dan gelongsorkan kaki dalam arah anak panah **A** sehingga berdetap ke dalam kedudukannya.



Semasa menggelongsorkan kaki, cangkuk pada kaki dan unit pembesar suara mengunci antara satu sama lain.

## Untuk menanggalkan kaki pembesar suara

Gelongsorkan kaki dalam arah bertentangan dengan anak panah **A**.


## Menggabungkan unit pembesar suara (Gaya bar bunyi)

- 1 Pasang pad pembesar suara yang dibekalkan pada unit pembesar suara untuk mengelakkannya daripada tergelincir.


Unit pembesar suara kiri



Unit pembesar suara kanan



- 2 Masukkan bahagian bertingkat unit pembesar suara kanan ke dalam kawasan berlekuk unit pembesar suara kiri.




- 3 Gelongsorkan unit pembesar suara kiri dalam arah anak panah sehingga berdetap ke dalam kedudukan terkunci.



Dengan menggelongsorkan unit pembesar suara kiri, cangkuk pada pendakap mengunci antara satu sama lain dan kedua-dua pembesar suara berdetap ke dalam kedudukan terkunci.

## Untuk mengasingkan unit pembesar suara

Sambil menolak butang pelepas dalam arah anak panah **A**, gelongsorkan unit pembesar suara kiri dalam arah anak panah **B**.




## Memasang unit pembesar suara sebagai unit gabungan (Gaya bar bunyi) pada dinding

### Nota


- Gunakan skru yang sesuai untuk bahan dan kekuatan dinding. Oleh sebab dinding papan plaster amat rapuh, ikatkan skru dengan kukuh kepada stad dinding. Pasang sistem pembesar suara di kawasan dinding bertetulang yang tegak dan rata.
- Pastikan anda memberikan subkontrak pemasangan kepada wakil penjual Sony atau kontraktor berlesen dan berikan perhatian khusus kepada keselamatan semasa pemasangan.
- Sony tidak bertanggungjawab terhadap kemalangan atau kerosakan yang disebabkan oleh pemasangan yang tidak betul, kekuatan dinding tidak mencukupi, pemasangan skru yang tidak betul atau bencana alam, dan sebagainya.

### 1 Gabungkan unit pembesar suara (Gaya bar bunyi) (halaman 19).

### 2 Sediakan skru (tidak dibekalkan) yang sesuai untuk lubang di belakang sistem pembesar suara.




Lubang di belakang sistem pembesar suara




### 3 Pacu skru ke dalam dinding.

Skru hendaklah terunjur 6 mm hingga 7 mm dari dinding.



### 4 Gantung sistem pembesar suara pada skru.

Jajarkan lubang di belakang sistem pembesar suara dengan skru, kemudian gantung sistem pembesar suara pada 2 skru.



### Nota

Pastikan anda memegang kedua-dua unit pembesar suara. Unit-unit pembesar suara gabungan boleh tertanggal jika anda hanya memegang satu hujung.


## Memasang unit pembesar suara kepada rod pemasangan subwufer (Gaya tatasusunan barisan)

### Nota


Tanggalkan apa-apa peranti USB dari sistem terlebih dahulu untuk mengelakkan kerosakan sekiranya unit pembesar suara terjatuh.

### 1 Tarik naik rod pemasangan subwufer.

- 1 Buka kunci penahan, kemudian tarik naik dan panjangkan rod sambil menekan butang pelepas.



- 2 Lepaskan butang dan berhenti rod pada kedudukan yang dikehendaki. Rod berhenti pada dua kedudukan mengikut lubang pada rod. Kunci penahan dan pastikan rod diikat dengan kukuh.




### Nota


- Laraskan kedudukan rod sebelum memasang unit pembesar suara.
- Berhati-hati supaya tangan anda tidak tersepit semasa memasukkan balik rod ke dalam kedudukan penyimpanan.

### 2 Pasang unit pembesar suara kepada alat tambah.


- 1 Buka tuil kunci.



- 2 Jajarkan pendakap unit pembesar suara dengan pendakap alat tambah pembesar suara, dan kemudian gelongsorkan ke bawah untuk memasang unit pembesar suara.




③ Tutup tuit kunci.



### 3 Laraskan sudut unit pembesar suara.


Longgarkan tombol dan laraskan unit pembesar suara kepada sudut yang dikehendaki.




Selepas pelarasan, ketatkan tombol untuk mengunci kedudukan pembesar suara.

### Untuk menanggalkan unit pembesar suara

Buka tuit kunci dan gelongsorkan unit pembesar suara ke atas untuk menanggalkannya.





# Menyambungkan sistem dengan selamat



## A Antena

Cari lokasi dan orientasi yang memberikan penerimaan yang baik semasa anda menyediakan antena. Jauhkan antena dari kord kuasa AC dan kabel USB untuk mengelak daripada dipengaruhi hingar.



## B Jek input optik (OPT IN)

Gunakan kabel digital optik (dibekalkan) untuk menyambung ke jek Digital Out (Optik) TV semasa mendengar bunyi TV dengan menggunakan sistem ini (halaman 26).


## C Jek input dan output audio

Gunakan kord audio (tidak dibekalkan) untuk membuat salah satu sambungan seperti berikut:

- **Jek AUDIO OUT/PARTY CHAIN OUT L/R**
  - Sambung ke jek input audio kelengkapan opsyenal.
  - Sambung ke sistem audio lain untuk menikmati fungsi Rantaian Parti (halaman 61).
- **Jek AUDIO IN/PARTY CHAIN IN L/R**
  - Sambung ke jek output audio TV atau kelengkapan audio/video. Bunyi dioutput melalui sistem ini.
  - Sambung ke sistem audio lain untuk menikmati fungsi Rantaian Parti (halaman 61).

## D Jek Video keluar

Gunakan kord video untuk menyambung ke jek input video TV atau projektor.



### Nota

Jangan menyambungkan sistem ini ke TV melalui dek video

## E Pembesar suara


Gunakan kord pembesar suara (dibekalkan) untuk menyambung ke unit pembesar suara.

### Nota

- Pastikan anda hanya menggunakan pembesar suara yang dibekalkan.
- Apabila menyambungkan kord pembesar suara, masukkan penyambung terus ke dalam terminal.

## Untuk memutuskan kord pembesar suara

Sambil menolak ke bawah tuil kunci, tarik keluar penyambung dari terminal.



## F Kuasa

Sambungkan kord kuasa AC (dibekalkan) ke sistem, dan kemudian ke salur keluar dinding. Apabila kord kuasa AC disambungkan, demonstrasi (halaman 30) bermula secara automatik. Jika anda menekan I/⏻ untuk menghidupkan sistem, demonstrasi berakhir.




## Menyahaktifkan demonstrasi

Untuk menyahaktifkan demonstrasi ketika sistem dimatikan, tekan DISPLAY berulang kali untuk memilih Mod Jimat Kuasa (halaman 30).

## Memasukkan bateri

Masukkan dua bateri R03 (saiz AAA) yang dibekalkan, mengikut kekutuban yang ditunjukkan di bawah.



### Nota

- Jangan campurkan bateri lama dengan bateri baru atau campurkan bateri yang berlainan jenis.
- Jika anda tidak menggunakan alat kawalan jauh untuk tempoh masa yang lama, keluarkan bateri untuk mengelakkan kerosakan akibat kebocoran dan pengurangan bateri.


## Untuk mengendalikan subwufer dengan menggunakan alat kawalan jauh

Halakan alat kawalan jauh ke penerima kawalan jauh subwufer.



## Persediaan untuk bunyi TV

Anda boleh mendengar bunyi TV melalui sistem ini dengan menyambung subwufer dan TV seperti yang ditunjukkan di bawah, menggunakan kabel digital optik (dibekalkan).



### Untuk mendengar bunyi TV dengan sambungan digital optik

Hidupkan TV, dan kemudian tekan FUNCTION +/- berulang kali untuk memilih fungsi optik.

#### Nota

Sistem mungkin memasuki mod tunggu sedia secara automatik jika aras kelantangan TV yang disambungkan adalah terlalu rendah. Laraskan aras kelantangan TV. Jika anda mematkan fungsi siap sedia automatik, lihat "Mengesetkan fungsi tunggu sedia automatik" (halaman 69).

#### Petua

- Anda juga boleh menyambungkan kelengkapan luaran (pemain DVD, dan sebagainya) kepada jek OPT IN. Semasa menyambungkan kelengkapan sedemikian, sambungkan jek OPT IN dan jek Digital Out (optik) kelengkapan mengikut cara yang sama seperti di atas. Untuk butir-butir, sila rujuk arahan pengendalian kelengkapan anda.
- Jika aras output audio dari sistem adalah rendah semasa menyambungkan kelengkapan luaran, cuba laraskan pengesetan output audio pada kelengkapan yang tersambung. Ini boleh meningkatkan aras output audio. Untuk butir-butir, sila rujuk arahan pengendalian kelengkapan anda.

#### Jika "CODE 01" dan "SIGNAL ERR" muncul di paparan subwufer

Sekiranya isyarat input audio ke sistem adalah lain daripada isyarat PCM Linear 2-saluran, mesej "CODE 01" dan "SIGNAL ERR" (menunjukkan isyarat audio input tidak disokong) muncul pada paparan subwufer.

Dalam hal ini, pilih mod output audio yang betul pada TV atau kelengkapan luaran untuk mengoutput isyarat audio PCM Linear 2-saluran.

**Sekiranya tiada bunyi TV didengar dari sistem**

Jika mesej "CODE 01" dan "SIGNAL ERR" muncul di paparan dan tiada bunyi TV didengar dari subwufer dan sistem pembesar suara, periksa perkara-perkara berikut dan ambil tindakan pembetulan pada TV.

- Semak bahawa pengesetan output pembesar suara telah disetkan untuk menggunakan pembesar suara luaran.

Contoh: KDL-42W800B

- 1 Tekan HOME butang pada alat kawalan jauh TV, dan kemudian pilih item pengesetan.
  - 2 Pilih item pengesetan bunyi, dan kemudian pilih item pengesetan pembesar suara.
  - 3 Pilih mod output pembesar suara luaran.
- Semak pengesetan output audio, dan jika mod automatik dipilih, tukarkannya kepada mod output PCM. Sistem ini hanya menyokong format PCM Linear 2-saluran sahaja.

Contoh: KDL-42W800B

- 1 Tekan HOME butang pada alat kawalan jauh TV, dan kemudian pilih item pengesetan.
- 2 Pilih item pengesetan bunyi, dan kemudian pilih item pengesetan output audio digital.
- 3 Pilih mod output PCM.


**Nota**

Maklumat yang diberikan di atas adalah berdasarkan TV Sony. Dalam hal TV atau kelengkapan luaran lain, semak pengesetan item yang serupa. Untuk butir-butir, sila rujuk arahan pengendalian TV atau kelengkapan luaran anda.

## Mengangkat sistem

Subwufer mempunyai roda lereng-lereng dan pemegang flip pada rod supaya anda boleh menggolekannya dengan mudah. Lazimnya, mengangkat subwufer dengan kaedah ini adalah disyorkan pada permukaan rata.


Sebelum mengangkat subwufer, tanggalkan semua sambungan kabel dan unit pembesar suara.



Apabila pemegang diputar ke atas sepenuhnya, ia terkunci secara automatik.


### Untuk melipat pemegang ke bawah

Tolak penahan ke kanan, dan lipat pemegang ke bawah.




### Nota


- Roda lereng-lereng hanya boleh digunakan pada permukaan rata. Dua orang diperlukan untuk mengangkat subwufer pada permukaan yang tidak rata. Peletakan tangan yang betul semasa mengangkat subwufer adalah sangat penting untuk mengelakkan kecederaan diri dan/atau kerosakan harta.



- Amalkan langkah berjaga-jaga yang sangat cermat semasa mengangkat subwufer pada cerun.
- Jangan mengangkat subwufer pada pemegang flip pada rod.
- Jangan mengangkat sistem pembesar suara gaya bar bunyi dengan memegang salah satu hujungnya kerana unit pembesar suara gabungan boleh tertanggal.



- Jangan mengangkat subwufer dengan unit pembesar suara terpasang (Gaya tatasusunan barisan) kerana unit pembesar suara boleh terjatuh.



- Jangan mengangkat subwufer dengan orang, bagasi, dan sebagainya di atasnya.
- Jangan biarkan kanak-kanak atau bayi berada dekat semasa mengangkat sistem.
- Sistem ini tidak kalis titisan atau kalis air. Jangan mengangkat sistem di tempat yang basah.

## Menukar sistem warna

(Kecuali untuk model Amerika Latin, Eropah, dan Rusia)

Setkan sistem warna kepada PAL atau NTSC bergantung pada sistem warna TV anda.

Setiap kali anda melakukan tatacara di bawah ini, sistem warna berubah seperti berikut:

NTSC ↔ PAL

Gunakan butang pada subwufer untuk melaksanakan operasi ini.

- 1 Tekan I/⏻ untuk menghidupkan sistem.
- 2 Tekan FUNCTION, putar tombol MULTI CONTROL untuk memilih "DVD/CD", dan kemudian tekan ENTER.
- 3 Tahan MIC ECHO dan ENTER lebih daripada 3 saat.  
"COLOR NTSC" atau "COLOR PAL" muncul pada paparan.

## Melaksanakan persediaan pantas

Sebelum menggunakan sistem, anda boleh membuat pelarasan asas minimum dalam persediaan pantas.


- 1 Hidupkan TV anda dan pilih input video.
- 2 Tekan I/⏻ untuk menghidupkan sistem.

- 3 Tekan FUNCTION +/- berulang kali untuk memilih "DVD/CD", "USB 1", atau "USB 2".

Mesej panduan [Press ENTER to run QUICK SETUP.] muncul di bahagian bawah skrin TV.

- 4 Tekan ⏻ tanpa memuatkan cakera atau menyambungkan peranti USB.

[LANGUAGE SETUP] muncul pada skrin TV. Item yang dipaparkan mungkin berbeza bergantung pada negara atau kawasan.



- 5 Tekan ↕/↔ berulang kali untuk memilih bahasa, kemudian tekan ⏻.

[VIDEO SETUP] muncul pada skrin TV.

- 6 Tekan ↕/↔ berulang kali untuk memilih pengesetan yang berpadanan dengan jenis TV anda, kemudian tekan ⏻.

Selepas [QUICK SETUP is complete.] muncul pada skrin TV, sistem bersedia untuk main balik.

### Untuk menukar pengesetan secara manual

Lihat "Menggunakan Menu Persediaan" (halaman 41).

### Untuk keluar dari persediaan pantas

Tekan SETUP.




### Nota

Mesej panduan muncul apabila anda menghidupkan sistem buat kali pertama atau selepas melaksanakan [RESET] (lihat "Mengembalikan pengesetan menu persediaan kepada lalai" pada halaman 77).

---

## Mengesetkan jam

- 1 Tekan I/⏻ untuk menghidupkan sistem.**
- 2 Tahan SHIFT kemudian tekan TIMER MENU.**

Jika "PLAY SET" muncul pada paparan, tekan ↕/↔ berulang kali untuk memilih "CLOCK SET", kemudian tekan .
- 3 Tekan ↕/↔ berulang kali untuk mengesetkan jam, kemudian tekan .**
- 4 Tekan ↕/↔ berulang kali untuk mengesetkan minit, kemudian tekan .**

### Nota

Anda tidak boleh mengesetkan jam dalam Mod Jimat Kuasa.

---

## Menukar mod paparan

### Tekan DISPLAY berulang kali semasa sistem dimatikan.

Setiap kali anda menekan butang, mod paparan bertukar seperti berikut.

---

#### Demonstrasi

Paparan menataalkan mesej tentang ciri-ciri utama sistem ini pencahayaan dihidupkan. Untuk mematikan pencahayaan, tekan PARTY LIGHT.

---

#### Tiada paparan (Mod Jimat Kuasa)

Paparan dimatikan untuk memulihara kuasa. Pemasa dan jam terus beroperasi.

---

#### Jam

Jam dipaparkan selama beberapa saat, kemudian sistem memasuki Mod Jimat Kuasa.

---

## Main Balik Cakera/USB

### Sebelum menggunakan peranti USB

Untuk peranti USB yang serasi, lihat "Tapak web peranti yang serasi" (halaman 10). (Anda boleh menggunakan peranti Apple anda dengan sistem ini melalui sambungan BLUETOOTH sahaja.)

### Main balik asas

DVD-V VIDEO CD C D DATA CD DATA DVD USB


- 1 Tekan **FUNCTION +/-** berulang kali untuk memilih "DVD/CD", "USB 1", atau "USB 2".

Anda juga boleh menggunakan butang pada subwufer. Tekan **FUNCTION**, putar tombol **MULTI CONTROL** untuk memilih "DVD/CD", "USB 1", atau "USB 2", dan kemudian tekan **ENTER**.

- 2 Menyediakan sumber main balik.

#### Untuk fungsi DVD/CD:

Tekan **▲** pada subwufer untuk membuka dulang cakera dan muatkan cakera dengan labelnya menghadap ke atas pada dulang cakera.




Apabila anda memainkan balik cakera 8 cm seperti CD tunggal, letakkannya di bulatan dalaman dulang.

Tekan **▲** pada subwufer sekali lagi untuk menutup dulang cakera. Jangan menolak dulang cakera secara paksa untuk menutupnya kerana ini boleh menyebabkan pincang tugas.

#### Untuk fungsi USB:

Sambungkan peranti USB ke port **ψ (USB) 1** atau **ψ (USB) 2** mengikut pilihan anda dalam langkah 1.



#### Nota

Anda boleh menggunakan penyesuai USB (tidak dibekalkan) untuk menyambungkan peranti USB ke subwufer jika peranti USB tidak boleh dipalamkan ke dalam port **ψ (USB)**.

- 3 **(DATA CD DATA DVD USB)** sahaja Tekan **MEDIA MODE** berulang kali untuk memilih jenis media ([MUSIC]/[VIDEO]/[PHOTO]) yang anda mahu.
- 4 Tekan **▶** untuk memulakan main balik.

## Pengendalian lain

Kepada	Lakukan ini
Hentikan main balik	Tekan <b>■</b> .
Menjeda main balik	Tekan <b>  </b> .
Sambung semula main balik atau kembali kepada main balik normal	Tekan <b>▶</b> .
Batal titik sambung semula	Tekan <b>■</b> dua kali.
Pilih runut, fail, bab atau adegan	Tekan <b>◀◀</b> atau <b>▶▶</b> semasa main balik. Atau, tahan <b>SHIFT</b> , tekan butang angka, dan kemudian tekan <b>[+]</b> . (Kendalian mungkin dilarang oleh cakera atau peranti USB.)


## Untuk memilih ingatan USB

Anda boleh memilih ingatan yang mana untuk digunakan sebagai sumber main balik atau destinasi pindah jika peranti USB mempunyai ingatan dalaman dan kad ingatan. Pastikan anda memilih ingatan sebelum memulakan main balik atau pindah.

- 1 Tekan **OPTIONS**.
- 2 Tekan **↕** berulang kali untuk memilih "MEM SEL", kemudian tekan **[+]**.
- 3 Tekan **↕** berulang kali untuk memilih ingatan yang anda mahu, kemudian tekan **[+]**.  
Untuk keluar dari menu opsyen, tekan **OPTIONS**.

## Untuk main dari fail audio atau video tertentu

- 1 Tekan **MEDIA MODE** berulang kali untuk memilih **[MUSIC]** atau **[VIDEO]**.
- 2 Tekan **SEARCH** untuk memaparkan senarai folder.



- 3 Tekan **↕** berulang kali untuk memilih folder yang anda mahu.
- 4 Tekan **[+]** untuk memaparkan senarai fail.



- 5 Tekan **↕** berulang kali untuk memilih fail yang anda mahu, kemudian tekan **[+]**.



## Untuk main dari fail imej tertentu (pertunjukan slaid)

1 Tekan MEDIA MODE berulang kali untuk memilih [PHOTO].

2 Tekan DVD/TUNER MENU.

Gambar imej kecil untuk 16 fail imej JPEG pertama dalam folder yang dipilih dipaparkan pada skrin TV.

1	2	3	4
5	6	7	8
9	10	11	12
13	14	15	16

Jika terdapat lebih daripada 16 fail imej dalam folder yang dipilih, bar tatal muncul di sebelah kanan.

3 Tekan  $\uparrow/\downarrow/\leftarrow/\rightarrow$  berulang kali untuk memilih fail yang anda mahu, kemudian tekan  $\blacktriangleright$ .

## Pengendalian main balik lain

DVD-V VIDEO CD C D DATA CD DATA DVD USA


Bergantung pada jenis cakera atau fail, fungsi mungkin tidak berkesan.

Kepada	Lakukan ini
Lihat menu DVD	Tekan DVD/TUNER MENU.
Lihat senarai folder atau senarai fail	Tekan SEARCH. Tekan SEARCH sekali lagi untuk menutup senarai folder atau senarai fail.
Kembali ke senarai folder apabila berada dalam senarai fail	Tekan RETURN.




Kepada	Lakukan ini
Cari titik dengan pantas dalam mara cepat atau undur cepat (Gelintar Kunci)	Tekan $\blacktriangleleft$ atau $\blacktriangleright$ semasa main balik. Setiap kali anda menekan $\blacktriangleleft$ atau $\blacktriangleright$ , kelajuan main balik berubah.
Lihat bingkai demi bingkai (Main Gerak Perlahan)	Tekan $\blacksquare$ , kemudian tekan $\blacktriangleleft$ atau $\blacktriangleright$ . Setiap kali anda menekan $\blacktriangleleft$ atau $\blacktriangleright$ , kelajuan main balik berubah.
Lihat imej dalam pandangan imej kecil	Tekan DVD/TUNER MENU.
Navigasi dalam pandangan imej kecil	Tekan $\uparrow/\downarrow/\leftarrow/\rightarrow$ .
Lihat imej tunggal	Tekan $\boxed{+}$ dalam pandangan imej kecil.
Mulakan pertunjukan slaid imej	Tekan $\blacktriangleright$ . Anda boleh menukar sela pertunjukan slaid (halaman 43), dan menambah kesan kepada pertunjukan slaid (halaman 43).
Hentikan pertunjukan slaid imej	Tekan $\blacksquare$ .
Lihat imej seterusnya atau sebelumnya semasa pertunjukan slaid	Tekan $\blacktriangleleft$ atau $\blacktriangleright$ .
Putar imej sebanyak 90 darjah	Tekan $\blacktriangleleft/\blacktriangleright$ semasa melihat gambar. Tekan CLEAR untuk kembali ke pandangan asal.

## Mencari runut tertentu

< D


Tahan SHIFT, tekan butang angka untuk memilih runut yang anda ingin main balik, kemudian tekan .

## Mencari menggunakan butang SEARCH

- 1 Tekan SEARCH untuk memaparkan senarai runut.
- 2 Tekan / berulang kali untuk memilih runut yang anda ingin main balik, kemudian tekan .

## Mencari judul/bab/adegan/runut/indeks tertentu

DVD-V VIDEO CD


- 1 Tekan SEARCH berulang kali semasa main balik untuk memilih mod gelintar.
- 2 Tahan SHIFT, tekan butang angka untuk memasukkan nombor judul, bab, adegan, runut, atau indeks yang anda mahu, dan kemudian tekan . Main balik bermula.

### Nota

- Untuk VIDEO CD dengan main balik PBC, tekan SEARCH untuk mencari adegan.
- Untuk VIDEO CD tanpa main balik PBC, tekan SEARCH untuk mencari runut dan indeks.






## Untuk mencari titik tertentu menggunakan kod masa

DVD-V

- 1 Tekan SEARCH berulang kali semasa main balik untuk memilih mod gelintar masa.
- 2 Tahan SHIFT, tekan butang angka untuk memasukkan kod masa, dan kemudian tekan . Contoh: Untuk mencari adegan pada 2 jam, 10 minit, dan 20 saat selepas permulaan, tahan SHIFT, kemudian tekan 2, 1, 0, 2, 0 ([2:10:20]). Jika anda membuat kesilapan, tekan CLEAR untuk membatalkan nombor.

## Mencari menggunakan menu DVD

DVD-V

- 1 Tekan DVD/TUNER MENU.
- 2 Tekan ///, atau tahan SHIFT dan tekan butang angka, untuk memilih judul atau item yang anda ingin main balik, dan kemudian tekan .

## Mengubah sudut kamera

DVD-V

Tekan ANGLE berulang kali semasa main balik untuk memilih sudut kamera yang anda mahu.

## Memilih pengesetan sari kata

DVD-V

Tekan **SUBTITLE** berulang kali semasa main balik untuk memilih bahasa sari kata yang anda mahu atau mematikan sari kata.

## Menukar bahasa/bunyi

DVD-V VIDEO CD C D DATA CD DATA DVD USB

Tekan **AUDIO** berulang kali semasa main balik untuk memilih format atau mod audio yang anda mahu.

### DVD VIDEO

Anda boleh memilih format atau bahasa audio jika sumber mengandungi format audio berbilang atau audio berbilang bahasa.

Apabila 4 angka dipaparkan, ini menunjukkan kod bahasa. Lihat "Senarai kod bahasa" (halaman 86) untuk mengesahkan bahasa yang diwakili oleh kod. Jika bahasa yang sama dipaparkan dua kali atau lebih, DVD VIDEO dirakam dalam format berbilang audio.

### VIDEO CD/AUDIO CD/DATA CD/DATA DVD (fail MP3) atau peranti USB (fail audio)

Anda boleh menukar output bunyi.

- [STEREO]: Bunyi stereo piawai.
- [1/L]/[2/R]: Bunyi mono saluran kiri atau kanan.

## SUPER VIDEO CD

- [1:STEREO]: Bunyi stereo runut audio 1.
- [1:1/L]/[1:2/R]: Bunyi mono saluran kiri atau kanan runut audio 1.
- [2:STEREO]: Bunyi stereo runut audio 2.
- [2:1/L]/[2:2/R]: Bunyi mono saluran kiri atau kanan runut audio 2.

## Memainkan VIDEO CD dengan fungsi PBC

VIDEO CD

Anda boleh menggunakan menu PBC (Kawalan Main Balik) untuk menikmati ciri-ciri interaktif VIDEO CD (VIDEO CD Versi 2.0 dan Super VCD).

- 1 Tekan **▶** untuk memainkan VIDEO CD dengan fungsi PBC. Menu PBC muncul pada skrin TV.
- 2 Tahan **SHIFT**, tekan butang angka untuk memilih nombor item yang anda mahu, dan kemudian tekan **+**.
- 3 Teruskan main balik mengikut arahan pada menu.

### Nota

Main balik PBC dibatalkan apabila Main Ulang diaktifkan.

## Untuk membatalkan main balik PBC

- 1 Tekan **I◀◀** atau **▶▶I**, atau tahan SHIFT dan tekan butang angka untuk memilih runut semasa main semula dihentikan.
- 2 Tekan **▶** atau **[+]**.  
Main balik bermula dari runut yang dipilih.

## Untuk kembali kepada main balik PBC

Tekan **■** dua kali, kemudian tekan **▶**.

### Main sambung semula berbilang cakera

**DVD-V** **VIDEO CD**

Sistem ini boleh menyimpan titik sambung semula main balik sehingga 6 cakera dan menyambung semula main balik apabila anda memasukkan cakera yang sama sekali lagi. Jika anda menyimpan titik sambung semula main balik untuk cakera ke-7, titik sambung semula bagi cakera pertama akan dihapuskan. Untuk mengaktifkan fungsi ini, setkan [MULTI-DISC RESUME] dalam [SYSTEM SETUP] kepada [ON] (halaman 44).

#### Nota

Untuk dimainkan dari permulaan cakera, tekan **■** dua kali, kemudian tekan **▶**.

## Menggunakan mod main

### Bermain dalam tertib berurutan (Main Normal)

**C D** **DATA CD** **DATA DVD** **USB**

Semasa main balik dihentikan, tekan **PLAY MODE** berulang kali.

#### ■ Apabila memainkan cakera

- [DISC]: memainkan semua runut/fail dalam tertib berurutan.
- [FOLDER]\*: memainkan semua fail yang serasi dalam folder yang ditetapkan pada cakera.

\* Tidak boleh dipilih untuk AUDIO CD.

#### ■ Apabila memainkan peranti USB

- [ALL USB DEVICES]: memainkan semua fail yang serasi pada kedua-dua peranti USB secara berurutan.
- [ONE USB DEVICE]: memainkan semua fail yang serasi pada satu peranti USB secara berurutan.
- [FOLDER]: memainkan semua fail yang serasi dalam folder yang ditetapkan pada peranti USB.

### Bermain dalam tertib rawak (Main Rawak)

**C D** **DATA CD** **DATA DVD** **USB**

Semasa main balik dihentikan, tekan **PLAY MODE** berulang kali.

#### ■ Apabila memainkan cakera

- [DISC (SHUFFLE)]: merawakkan semua fail audio pada cakera.
- [FOLDER (SHUFFLE)\*]: merawakkan semua fail audio dalam folder yang ditetapkan pada cakera.

\* Tidak boleh dipilih untuk AUDIO CD.

## ■ Apabila memainkan peranti USB

- [ALL USB DEVICES (SHUFFLE)]: merawakkan semua fail audio pada kedua-dua peranti USB.
- [ONE USB DEVICE (SHUFFLE)]: merawakkan semua fail audio pada satu peranti USB.
- [FOLDER (SHUFFLE)]: merawakkan semua fail audio dalam folder yang ditetapkan pada peranti USB.

### Nota

- Main Rawak tidak boleh dilakukan untuk fail imej dan video.
- Main Rawak dibatalkan apabila anda:
  - mematikan sistem.
  - membuka dulang cakera.
  - melaksanakan pindahan USB 1 ke USB 2 (kecuali pindah REC1).
  - melaksanakan pindahan cakera ke peranti USB (kecuali pindah REC1).
  - tukar MEDIA MODE.
  - menukar ingatan USB pilih.
- Main Rawak boleh dibatalkan apabila anda memilih folder atau runut untuk dimainkan balik.

## Mencipta atur cara anda sendiri (Main Atur Cara)

**CD DATA CD DATA DVD USB**

Anda boleh membuat atur cara sehingga 25 langkah dalam tertib yang anda mahu ia dimainkan balik.

Anda boleh mengatur cara runut/fail audio dari cakera atau USB 1 sahaja.

**1** Tekan **FUNCTION +/-** berulang kali untuk memilih "DVD/CD" atau "USB 1".

**2** (**DATA CD DATA DVD USB** sahaja) Tekan **MEDIA MODE** berulang kali untuk memilih [MUSIC].

**3** Semasa main balik dihentikan, tekan **PLAY MODE** berulang kali untuk memilih [PROGRAM].

**4** Tekan **SEARCH**.

Senarai folder atau senarai runut muncul pada skrin TV.

**5** (**DATA CD DATA DVD USB** sahaja) Tekan **↑/↓** berulang kali untuk memilih folder yang anda mahu, kemudian tekan **[+]**. Senarai fail muncul pada skrin TV.

**6** Tekan **↑/↓** berulang kali untuk memilih runut atau fail yang anda mahu, kemudian tekan **[+]**. Nombor langkah program muncul di sebelah kiri runut atau fail yang dipilih.

**7** Untuk mengatur cara runut atau fail audio lain dalam folder yang sama, ulangi langkah 6.

Untuk mengatur cara fail pada folder lain, tekan **RETURN** untuk kembali ke senarai folder dan ulangi langkah 5 dan 6.

**8** Tekan **▶** untuk memulakan Main Atur Cara.

Senarai atur cara dipaparkan pada skrin TV.

Apabila Main Atur Cara tamat, anda boleh memulakan semula atur cara yang sama dengan menekan **▶**.

## Untuk menghapuskan langkah yang diatur cara

- 1 Gunakan tatacara yang sama seperti dalam langkah 4 dan langkah 5 "Mencipta atur cara anda sendiri (Main Atur Cara)".
- 2 Tekan / berulang kali untuk memilih runut atau fail yang anda mahu padamkan, kemudian tekan . Nombor langkah program hilang.

## Untuk menghapuskan langkah terakhir daripada senarai atur cara

Tekan CLEAR.

## Untuk membatalkan Main Atur Cara

Semasa main balik dihentikan, tekan PLAY MODE berulang kali untuk memilih mod main lain.

## Untuk memaparkan senarai program

Tahan SHIFT, kemudian tekan DISPLAY berulang kali.

### Nota

- Main Atur Cara tidak boleh dilakukan untuk fail imej dan video.
- Main Atur Cara dibatalkan apabila anda:
  - membuka dulang cakera.
  - tukar MEDIA MODE.
  - menukar ingatan USB pilih.
- (Fungsi DVD/CD sahaja) Senarai atur cara dikosongkan apabila anda membuka dulang cakera.
- (Fungsi USB sahaja) Senarai atur cara dikosongkan apabila anda:
  - melaksanakan operasi padam.
  - mengeluarkan peranti USB.
  - menukar ingatan USB pilih.
- (Fungsi USB sahaja) Main Atur Cara hanya tersedia apabila peranti USB disambungkan ke port (USB) 1.

## Bermain berulang kali (Main Ulang)

### Tekan REPEAT berulang kali.

Bergantung pada jenis cakera atau fail, sesetengah pengesetan mungkin tidak tersedia.

- [OFF]: tidak main balik berulang kali.
- [ALL]: mengulangi semua runut atau fail dalam mod main yang dipilih.
- [DISC]: mengulangi semua kandungan (DVD VIDEO dan VIDEO CD sahaja).
- [TITLE]: mengulangi judul semasa (DVD VIDEO sahaja).
- [CHAPTER]: mengulangi bab semasa (DVD VIDEO sahaja).
- [TRACK]: mengulangi runut semasa.
- [FILE]: Mengulangi fail video semasa.

### Untuk membatalkan Main Ulang

Tekan REPEAT berulang kali untuk memilih [OFF].

### Nota

- menyala pada paparan apabila Main Ulang disetkan kepada [ALL] atau [DISC].
- menyala pada paparan apabila Main Ulang disetkan kepada [TITLE] atau [CHAPTER], [TRACK] atau [FILE].
- Anda tidak boleh melaksanakan Main Ulang dengan VIDEO CD semasa main balik PBC.
- Bergantung pada DVD VIDEO, anda tidak boleh melaksanakan Main Ulang.
- Main Ulang dibatalkan apabila anda
  - membuka dulang cakera.
  - mematikan sistem (DVD VIDEO dan VIDEO CD sahaja).
  - menukar fungsi (DVD VIDEO dan VIDEO CD sahaja).
  - melaksanakan pindahan USB 1 ke USB 2 (kecuali pindah REC1).
  - melaksanakan pindahan cakera ke peranti USB (kecuali pindah REC1).
  - tukar MEDIA MODE.
  - menukar ingatan USB pilih.

## Membataskan main balik cakera

(Kawalan Ibu Bapa)

DVD-V

Anda boleh membataskan main balik DVD VIDEO mengikut aras pratentu. Adegan mungkin dilangkau atau digantikan dengan adegan yang lain.

- 1 Semasa main balik dihentikan, tekan **SETUP**.
- 2 Tekan **↔/↔** berulang kali untuk memilih **[SYSTEM SETUP]**, kemudian tekan **+**.
- 3 Tekan **↔/↔** berulang kali untuk memilih **[PARENTAL CONTROL]**, kemudian tekan **+**.
- 4 Masukkan atau masukkan semula kata laluan 4 angka anda menggunakan butang angka, kemudian tekan **+**.
- 5 Tekan **↔/↔** berulang kali untuk memilih **[STANDARD]**, kemudian tekan **+**.
- 6 Tekan **↔/↔** berulang kali untuk memilih kawasan geografi sebagai aras pengehadan main balik, kemudian tekan **+**.  
Kawasan dipilih.  
Apabila anda memilih **[OTHERS→]**, masukkan kod kawasan bagi kawasan geografi yang anda mahu menurut "Senarai kod kawasan Kawalan Ibu Bapa" (halaman 87) dengan menggunakan butang angka.

7 Tekan **↔/↔** berulang kali untuk memilih **[LEVEL]**, kemudian tekan **+**.

8 Tekan **↔/↔** berulang kali untuk memilih aras yang anda mahu, kemudian tekan **+**.  
Lebih rendah nilai, lebih ketat pembatasan.

### Untuk mematikan fungsi kawalan ibu bapa

Setkan **[LEVEL]** kepada **[OFF]** dalam langkah 8.

### Untuk memainkan balik cakera yang mana fungsi kawalan ibu bapa disetkan

- 1 Muatkan cakera dan tekan **▶**.  
Paparannya untuk memasukkan kata laluan anda muncul pada skrin TV.
- 2 Masukkan kata laluan 4 angka anda menggunakan butang angka, kemudian tekan **+**.  
Sistem memulakan main balik.

### Jika anda terlupa kata laluan anda


Keluarkan cakera dan ulangi langkah 1 hingga 3 "Membataskan main balik cakera" (halaman 39). Masukkan kata laluan "199703" menggunakan butang angka, kemudian tekan **+**. Ikuti arahan pada skrin dan masukkan kata laluan 4 angka yang baru. Kemudian, muatkan semula cakera dan tekan **▶**. Anda memasukkan kata laluan baharu anda sekali lagi.

# Melihat maklumat cakera dan peranti USB

DVD-V VIDEO CD C D DATA CD DATA DVD USA

## Maklumat pada skrin TV

Tahan **SHIFT**, kemudian tekan **DISPLAY** berulang kali semasa main balik.



- ① **Maklumat main balik**  
Maklumat masa main, baki masa dan tarikh<sup>1)</sup>
- ② **Kadar bit**
- ③ **Jenis fail**
- ④ **Status main balik**
- ⑤ **Judul<sup>2)</sup>/runut/nama fail<sup>3)</sup>**
- ⑥ **Album<sup>2)</sup>/nama folder<sup>3)</sup>/bab/nombor indeks**
- ⑦ **Nama artis<sup>2)3)</sup>**  
Muncul apabila memainkan fail audio.

<sup>1)</sup> Maklumat tarikh dipaparkan apabila Exif (Exchangeable Image File Format) direkodkan dalam fail imej JPEG. Exif adalah format imej kamera digital yang ditakrifkan oleh Japan Electronics and Information Technology Industries Association (JEITA).

- <sup>2)</sup> Jika fail audio mempunyai tag ID3, sistem akan memaparkan nama album/ nama judul/nama artis daripada maklumat tag ID3. Sistem boleh menyokong ID3 ver 1.0/1.1/2.2/2.3.
- <sup>3)</sup> Jika fail atau folder mengandungi aksara yang tidak boleh dipaparkan, aksara tersebut akan dipaparkan sebagai " \_".

### Nota

- Bergantung pada sumber yang sedang dimainkan,
  - sesetengah maklumat mungkin tidak dipaparkan.
  - sesetengah aksara tidak boleh dipaparkan.
- Bergantung pada mod main, maklumat yang dipaparkan mungkin berbeza.

## Memaparkan maklumat format audio dalam DVD VIDEO dan fail video

(DVD VIDEO dan fail video sahaja)

Tekan **AUDIO** berulang kali semasa main balik.

## Maklumat pada paparan

Tekan **DISPLAY** berulang kali semasa sistem dihidupkan.

Anda boleh melihat maklumat seperti berikut:

- masa main, masa baki bagi runut, judul, bab
- nombor adegan
- nama fail, nama folder
- maklumat judul, artis dan album

### Nota

- Nama cakera atau nama runut mungkin tidak dipaparkan bergantung pada aksara.
- Masa main fail audio dan fail video mungkin tidak dipaparkan dengan betul.
- Masa main berlalu bagi fail audio yang dikodkan dengan VBR (variable bit rate, iaitu kadar bit pemboleh ubah) tidak dipaparkan dengan betul.



## Menggunakan Menu Persediaan

Anda boleh membuat pelbagai pelarasan kepada item seperti gambar dan bunyi.

Item yang dipaparkan berbeza bergantung pada negara atau kawasan.

### Nota

Pengesetan main balik yang disimpan dalam cakera mendapat keutamaan berbanding pengesetan menu persediaan. Oleh itu, sesetengah pengesetan menu persediaan mungkin tidak dilaksanakan.

### 1 Semasa main balik dihentikan, tekan SETUP.

Menu persediaan muncul pada skrin TV.

### 2 Tekan $\leftarrow$ / $\rightarrow$ berulang kali untuk memilih [LANGUAGE SETUP], [VIDEO SETUP], [AUDIO SETUP], atau [SYSTEM SETUP], kemudian tekan $\boxed{+}$ .

### 3 Tekan $\leftarrow$ / $\rightarrow$ berulang kali untuk memilih item yang anda mahu, kemudian tekan $\boxed{+}$ .

### 4 Tekan $\leftarrow$ / $\rightarrow$ berulang kali untuk memilih pengesetan yang anda mahu, kemudian tekan $\boxed{+}$ .

Pengesetan dipilih dan persediaan telah selesai.

### Untuk keluar dari menu

Tekan SETUP.



## Pengesetan bahasa – [LANGUAGE SETUP]

### [OSD]

Mengesetkan bahasa paparan pada skrin.

### [MENU]

DVD-V

Mengesetkan bahasa untuk menu DVD.

### [AUDIO]

DVD-V

Menukar bahasa runut bunyi. Apabila anda memilih [ORIGINAL], bahasa yang diberikan keutamaan dalam cakera dipilih.

### [SUBTITLE]

DVD-V

Menukar bahasa sari kata yang dirakam dalam DVD VIDEO. Apabila anda memilih [AUDIO FOLLOW], bahasa bagi sari kata berubah mengikut bahasa yang anda pilih untuk runut bunyi.

### Nota

Jika anda memilih [OTHERS $\rightarrow$ ] dalam [MENU], [AUDIO], dan [SUBTITLE], masukkan kod bahasa daripada "Senarai kod bahasa" (halaman 86) menggunakan butang angka.



## Mengesetkan skrin TV - [VIDEO SETUP]

### [TV TYPE]

DVD-V


**[16:9]:** Pilih ini apabila anda menyambungkan TV skrin lebar atau TV dengan fungsi mod-lebar.



**[4:3 LETTER BOX]:** Pilih ini apabila anda menyambungkan TV skrin 4:3 yang tidak mempunyai fungsi mod-lebar. Pengesetan ini memaparkan gambar lebar dengan jalur hitam di bahagian atas dan bawah.



**[4:3 PAN SCAN]:** Pilih ini apabila anda menyambungkan TV skrin 4:3 yang tidak mempunyai fungsi mod-lebar. Pengesetan ini memaparkan gambar ketinggian penuh pada seluruh skrin, dengan sisi yang diregang.



### [COLOR SYSTEM(VIDEO CD)]

(Kecuali untuk model Amerika Latin, Eropah, dan Rusia)

VIDEO CD

Mengesetkan sistem warna (PAL atau NTSC) apabila anda memainkan balik VIDEO CD.

**[AUTO]:** Mengoutputkan isyarat video mengikut sistem warna cakera. Pilih pengesetan ini, jika TV anda menggunakan sistem DUAL.

**[PAL]:** Menukar isyarat video cakera NTSC dan mengoutputkannya dalam sistem PAL.

**[NTSC]:** Menukar isyarat video cakera PAL dan mengoutputkannya dalam sistem NTSC.

Untuk butir-butir, lihat "Menukar sistem warna" (halaman 29).

### [BLACK LEVEL]

(Model Amerika Latin sahaja)  
Memilih aras hitam (aras persediaan) untuk output isyarat video daripada jek VIDEO OUT.

**[ON]:** Mengesetkan aras hitam bagi isyarat output kepada aras piawai.

**[OFF]:** Menurunkan aras hitam piawai. Gunakan ini apabila gambar menjadi terlalu putih.

### [PAUSE MODE]

DVD-V

**[AUTO]:** Gambar, termasuk subjek yang bergerak secara dinamik, dioutputkan tanpa ketar. Biasanya pilih kedudukan ini.

**[FRAME]:** Gambar, termasuk subjek yang tidak bergerak secara dinamik, dioutputkan dalam resolusi tinggi.

**[PHOTO EFFECT]****DATA CD DATA DVD USB**

(Fail imej JPEG sahaja)

Pilih kesan untuk pertunjukan slaid.

**[MODE 1]:** Imej bergerak masuk dari atas ke bawah.

**[MODE 2]:** Imej bergerak masuk dari kiri ke kanan.

**[MODE 3]:** Imej bergerak keluar dari tengah.

**[MODE 4]:** Imej berkitar melalui kesan secara rawak.

**[MODE 5]:** Imej seterusnya meluncur di atas imej semasa.

**[OFF]:** Matikan kesan.

**[PHOTO INTERVAL]****DATA CD DATA DVD USB**

(Fail imej JPEG sahaja)

Pilih tempoh pertunjukan slaid.

**[NORMAL]:** Setkan tempoh kepada tempoh piawai.

**[FAST]:** Setkan tempoh lebih pendek daripada [NORMAL].

**[SLOW 1]:** Setkan tempoh lebih panjang daripada [NORMAL].

**[SLOW 2]:** Setkan tempoh lebih panjang daripada [SLOW 1].

**Mengesetkan opsyen audio – [AUDIO SETUP]****[AUDIO DRC]****(Mampatan Julat Dinamik)****DVD-V**

Berguna untuk menonton wayang pada kelantangan rendah di lewat malam.

**[OFF]:** Tiada mampatan julat dinamik.

**[STANDARD]:** Julat dinamik dimampatkan sebagaimana yang dikehendaki oleh jurutera rakaman.

**[TRACK SELECTION]****DVD-V**

Memberi keutamaan kepada runut bunyi yang mengandungi bilangan saluran tertinggi apabila anda memainkan balik DVD VIDEO yang dirakamkan dengan pelbagai format audio (PCM, audio MPEG, atau Dolby Digital).

**[OFF]:** Tiada keutamaan diberikan.

**[AUTO]:** Keutamaan diberikan.

**[SCORE MODE]**

Pilih mod pemarkahan untuk menilai nyanyian anda semasa berada dalam mod Karaoke.

**[BEGINNER 1]:** Aras orang baru. Markah dipaparkan sambil menyanyi.

**[BEGINNER 2]:** Aras orang baru.

**[EXPERT 1]:** Aras Maju. Markah dipaparkan sambil menyanyi.

**[EXPERT 2]:** Aras Maju.

**[DEMO]:** Mod Demonstrasi. Markah dipaparkan tanpa mengambil kira nyanyian.

**[A/V SYNC]****DVD-V VIDEO CD DATA CD DATA DVD**

(Fail video sahaja)

Melaraskan kelewatan antara gambar dengan bunyi apabila bunyi tidak segerak dengan gambar yang dipaparkan.

**[OFF]:** Tidak melaras.

**[ON]:** Melaraskan lengah antara gambar dengan bunyi.

---

## [DOWNMIX]

DVD-V

Pilih isyarat output audio untuk memainkan audio berbilang saluran.

**[NORMAL]:** Mengoutputkan audio berbilang saluran menjadi isyarat stereo 2 saluran.

### [DOLBY SURROUND]:

Mengoutputkan audio berbilang saluran menjadi isyarat keliling 2 saluran.

---



## Pengesetan sistem - [SYSTEM SETUP]

### [SCREEN SAVER]

Penyelamat skrin akan membantu mencegah peranti paparan anda daripada menjadi rosak (hantuan). Tekan mana-mana butang untuk keluar dari penyelamat skrin.

**[ON]:** Imej penyelamat skrin muncul jika anda tidak mengendalikan sistem selama kira-kira 15 minit.

**[OFF]:** Matikan fungsi. Imej penyelamat skrin tidak muncul.

---

### [BACKGROUND]

Memilih warna latar belakang atau gambar untuk dipaparkan pada skrin TV.

**[JACKET PICTURE]:** Gambar jaket (pegun gambar) yang dirakam pada cakera muncul di latar belakang.

**[GRAPHICS]:** Gambar praset yang disimpan di dalam sistem muncul di latar belakang.

**[BLUE]:** Warna latar belakang ialah biru.

**[BLACK]:** Warna latar belakang ialah hitam.

---

---

## [PARENTAL CONTROL]

Mengesetkan batasan main balik. Untuk butir-butir, lihat "Membataskan main balik cakera" (halaman 39).

---

## [MULTI-DISC RESUME]

DVD-V VIDEO CD

**[ON]:** Menyimpan titik sambung semula main balik dalam ingatan sehingga 6 cakera.

**[OFF]:** Tidak menyimpan titik sambung semula main balik dalam ingatan. Main balik bermula di titik sambung semula main balik hanya untuk cakera semasa di dalam sistem.

---

## [RESET]

Mengembalikan pengesetan menu persediaan kepada pengesetan lalai. Untuk butir-butir, lihat "Mengembalikan pengesetan menu persediaan kepada lalai" (halaman 77).

---

### Sebelum menggunakan peranti USB

Untuk peranti USB yang serasi. Lihat “Tapak web peranti yang serasi” (halaman 10).

(Anda boleh menggunakan peranti Apple anda dengan sistem ini melalui sambungan BLUETOOTH sahaja.)

### Memindahkan muzik

Anda boleh memindahkan muzik dari sumber bunyi ke peranti USB yang tersambung ke port  $\psi$  (USB) 2.

#### Format audio yang dicipta oleh pemindahan

- **Sumber bunyi: Cakera, radio, atau kelengkapan opsyenal disambungkan ke jek AUDIO IN L/R**

Fail yang dipindahkan dicipta dalam format MP3.

- **Sumber bunyi: Peranti USB yang tersambung ke port  $\psi$  (USB) 1**

Fail yang dipindahkan dicipta dalam format yang sama (MP3, WMA atau AAC) seperti fail audio sumber.

#### Nota

- Jangan tanggalkan peranti USB semasa operasi pindah atau padam. Berbuat demikian boleh merosakkan data pada peranti USB atau merosakkan peranti USB itu sendiri.
- Fail MP3/WMA/AAC dipindahkan dengan kadar bit yang sama dengan fail asal.
- Operasi pindah dan padam USB dinyahdayakan semasa dulang cakera terbuka.

#### Nota tentang kandungan yang dilindungi hak cipta

Muzik yang dipindahkan adalah terhad kepada kegunaan peribadi sahaja. Penggunaan muzik yang melebihi had ini memerlukan keizinan pemegang hak cipta.

#### Untuk memilih ingatan USB

Lihat halaman 32.

#### Untuk memilih kadar bit

Anda boleh memilih kadar bit yang lebih tinggi untuk memindahkan muzik dengan kualiti yang lebih baik.

- 1 Tekan **OPTIONS**.
  - 2 Tekan  $\uparrow/\downarrow$  berulang kali untuk memilih “**BIT RATE**”, kemudian tekan  $\boxed{+}$ .
  - 3 Tekan  $\uparrow/\downarrow$  berulang kali untuk memilih kadar bit yang anda mahu, kemudian tekan  $\boxed{+}$ .
    - 128 KBPS: fail MP3 yang dikodkan mempunyai saiz fail yang lebih kecil dan kualiti audio yang lebih rendah.
    - 256 KBPS: fail MP3 yang dikodkan mempunyai saiz fail yang lebih besar tetapi kualiti audio yang lebih tinggi.
- Untuk keluar dari menu opsyen, tekan **OPTIONS**.

## Nota


Kadar bit boleh ditukar hanya apabila sumber bunyi ialah runut CD-DA pada AUDIO CD, bunyi radio, atau kelengkapan opsyenal disambungkan ke jek AUDIO IN L/R.

## Memindahkan muzik dari cakera, peranti USB bunyi atau sumber audio analog

Anda boleh memindahkan muzik ke port  $\Psi$  (USB) 2 seperti berikut:

- **Pindah Segerak:** Memindahkan semua muzik pada cakera atau USB 1 ke USB 2.
- **Pindah REC1:** Memindahkan satu runut atau fail audio semasa main balik.
- **Pindah Analog:** Memindahkan audio dari radio, atau kelengkapan opsyenal yang disambungkan ke jek AUDIO IN L/R.

## 1 Sambungkan peranti USB destinasi pemindahan ke port $\Psi$ (USB) 2.



## Nota

Anda boleh menggunakan penyesuai USB (tidak dibekalkan) untuk menyambungkan peranti USB ke subwufur jika peranti USB tidak boleh dipalamkan ke dalam port  $\Psi$  (USB).

## 2 Pilih fungsi.

### Cakera:

Tekan FUNCTION +/- berulang kali untuk memilih "DVD/CD". Selepas memilih fungsi, muatkan cakera. Jika sistem memulakan main balik secara automatik, tekan ■ dua kali untuk menghentikan main balik sepenuhnya.

### USB:

Tekan FUNCTION +/- berulang kali untuk memilih "USB 1". Selepas memilih fungsi, sambungkan peranti USB yang mengandungi fail audio yang anda hendak pindahkan ke port  $\Psi$  (USB) 1.

### Sumber audio analog:

Tekan FUNCTION +/- berulang kali untuk memilih sumber ("TUNER FM"/"TUNER AM"/"AUDIO IN") yang anda hendak pindahkan.

## 3 Menyediakan sumber bunyi.

### Pindah Segerak:

Semasa main balik dihentikan, tekan PLAY MODE berulang kali untuk memilih mod main yang anda kehendaki.

## Nota

Jika anda mula memindahkan fail dalam Main Rawak, Main Ulang atau Main Atur Cara tanpa langkah, mod main yang dipilih berubah kepada Main Normal secara automatik.

### Pindah REC1:

Pilih runut atau fail audio yang anda ingin pindahkan, kemudian mulakan main balik.

**Pindah Analog:**

Untuk memindahkan program radio, lihat "Mendengar radio" (halaman 50) untuk menala ke stesen yang dikehendaki.

Untuk memindahkan bunyi dari kelengkapan opsyenal yang disambungkan ke jek AUDIO IN L/R, lihat "Menggunakan kelengkapan opsyenal" (halaman 68) untuk mula memainkan kelengkapan yang disambungkan.

**4 Tekan REC TO USB pada subwufer.**

"PUSH ENTER" muncul pada paparan.

**5 Tekan .**

Pindahan bermula apabila "DO NOT REMOVE" muncul pada paparan. Jangan tanggalkan peranti USB sehingga pindahan selesai.

Apabila pemindahan selesai, sistem melaksanakan perkara berikut:


**Pindah Segerak:**

Apabila pemindahan selesai, cakera atau peranti USB berhenti secara automatik.

**Pindah REC1:**

Pemindahan selesai secara automatik, tetapi cakera atau peranti USB terus memainkan runut atau fail seterusnya.

**Pindah Analog:**

Pemindahan ini berterusan sehingga  ditekan.

**Untuk menghentikan pemindahan**

Tekan .

**Untuk memindahkan bunyi sebagai fail MP3 baru semasa Pindah Analog**

Tekan REC TO USB pada subwufer semasa Pindah Analog. "NEW TRACK" muncul pada paparan.

**Nota tentang Pindah Analog**

- Semasa fail MP3 sedang dicipta, pemindahan dinyahdayakan.
- Jika anda menekan REC TO USB pada subwufer sekali lagi selepas beberapa saat, fail MP3 yang baru boleh dicipta.
- Fail MP3 baru dicipta secara automatik kira-kira 1 jam selepas Pindah Analog bermula.

**Nota tentang pemindahan**

- Anda tidak boleh memindahkan fail audio pada cakera berformat UDF (Universal Disk Format) kepada peranti USB.
- Semasa pemindahan (kecuali pindah analog), tiada bunyi dioutput.
- Maklumat CD-TEXT tidak dipindahkan ke fail MP3 yang dicipta.
- Pindahan berhenti secara automatik jika:
  - peranti USB kehabisan ruang semasa pindahan.
  - bilangan fail audio dan folder pada peranti USB mencapai had bagi bilangan yang boleh dikenal pasti oleh sistem.
- Jika folder atau fail yang anda cuba pindahkan sudah wujud pada peranti USB dengan nama yang sama, nombor turutan ditambah selepas nama tanpa menulis ganti folder atau fail asal.
- Anda tidak boleh melaksanakan operasi yang berikut semasa pemindahan:
  - Mengeluarkan cakera.
  - Memilih runut atau fail lain.
  - Menjeda main balik atau mencari titik dalam runut atau fail.
  - Mengubah fungsi atau jalur penala.
- Apabila memindahkan muzik ke Walkman® menggunakan "Media Manager for WALKMAN", pastikan anda memindahkannya dalam format MP3.

- Apabila menyambungkan Walkman® ke sistem, pastikan anda menyambungkannya selepas paparan "Creating Library" atau "Creating Database" pada Walkman® telah hilang.

## Peraturan penjanaan folder dan fail

### Bilangan maksimum fail audio yang boleh dijana

- 298 folder
- 650 fail dalam folder
- 650 fail dalam REC1-CD atau REC1-MP3 folder.

Bilangan ini mungkin berbeza bergantung pada konfigurasi fail atau folder.

Apabila memindahkan ke peranti USB, folder "MUSIC" dicipta betul-betul di bawah "ROOT". Folder dan fail dijana di dalam folder "MUSIC" ini mengikut kaedah pemindahan dan sumber seperti berikut:

### Pindah Segerak

#### ■ Apabila memindahkan runut CD-DA dari AUDIO CD

Nama folder: "CDDA0001"\*  
 Nama fail: "TRACK001"\*

#### ■ Apabila memindahkan fail MP3 dari cakera atau fail MP3/WMA/AAC dari peranti USB

Nama folder: Sama seperti sumber  
 Nama fail: Sama seperti sumber

### Pindah REC1

#### ■ Apabila memindahkan satu runut CD-DA dari AUDIO CD

Nama folder: "REC1-CD"  
 Nama fail: "TRACK001"\*

#### ■ Apabila memindahkan satu fail MP3 dari cakera atau fail MP3/WMA/AAC dari peranti USB

Nama folder: "REC1-MP3"  
 Nama fail: Sama seperti sumber

### Pindah Analog

#### ■ Apabila memindahkan atur cara FM

Nama folder: "TUFM0001"\*  
 Nama fail: "TRACK001"\*

#### ■ Apabila memindahkan atur cara AM

Nama folder: "TUAM0001"\*  
 Nama fail: "TRACK001"\*

#### ■ Apabila memindahkan bunyi dari kelengkapan opsyenal yang disambungkan ke jek AUDIO IN L/R

Nama folder: "EXAU0001"\*  
 Nama fail: "TRACK001"\*

\* Nombor folder dan fail diberikan secara bersiri selepas itu.

### Petua

Dalam mod Main Atur Cara, nama folder ialah "PGM\_xxxx", dan nama fail bergantung pada sumber muzik (AUDIO CD atau fail audio).



## Memadamkan fail atau folder audio pada peranti USB

**1** Tekan **FUNCTION +/-** berulang kali untuk memilih "USB 1" atau "USB 2".

**2** Tekan **MEDIA MODE** berulang kali untuk memilih [MUSIC].

**3** Semasa main balik dihentikan, tekan **OPTIONS**.

**4** Tekan **↔/↕** berulang kali untuk memilih "ERASE", kemudian tekan **[+]**.

Senarai folder dipaparkan pada skrin TV.

**5** Tekan **↔/↕** berulang kali untuk memilih folder, kemudian tekan **[+]**.

**6** Tekan **↔/↕** berulang kali untuk memilih fail audio yang anda mahu padamkan, kemudian tekan **[+]**.

Jika anda mahu memadamkan semua fail audio dalam folder tersebut, pilih [ALL TRACKS] pada senarai.

"FLDR ERASE" atau "TRK ERASE" dan "PUSH ENTER" muncul pada paparan.

Untuk membatalkan operasi padam, tekan **■**.

**7** Tekan **[+]**.

"COMPLETE" muncul pada paparan.

Untuk keluar dari menu opsyen, tekan **OPTIONS**.

### Nota

- Anda tidak boleh memadam fail audio atau folder apabila mod Main Rawak atau Main Atur Cara telah dipilih. Setkan mod main kepada Main Normal sebelum memadam.
- Folder yang mengandungi fail audio format bukan MP3/WMA/AAC atau sub folder tidak boleh dipadamkan.
- Operasi padam dilarang semasa dulang cakera terbuka.

## Penala

# Mendengar radio

- 1 Tekan FUNCTION +/- berulang kali untuk memilih fungsi penala ("TUNER FM" atau "TUNER AM").**

Anda juga boleh menggunakan butang pada subwufer. Tekan FUNCTION, putar tombol MULTI CONTROL untuk memilih "TUNER FM" atau "TUNER AM", dan kemudian tekan ENTER.

- 2 Tala ke stesen.**

### Untuk pengimbasan automatik:

Tahan TUNING+/- sehingga frekuensi mula berubah pada paparan.

Pengimbasan berhenti secara automatik dan "TUNED" menyala pada paparan apabila stesen ditemui.

Jika "TUNED" tidak menyala dan pengimbasan tidak berhenti, tekan **■** untuk menghentikan pengimbasan. Kemudian, lakukan penalaan manual (di bawah).

### Untuk penalaan manual:

Tekan TUNING+/- berulang kali untuk menala ke stesen yang anda ingini.

## Nota

Apabila anda menala ke stesen FM yang menyediakan perkhidmatan RDS, maklumat seperti nama perkhidmatan atau nama stesen diberikan oleh siaran. Anda boleh menyemak maklumat RDS dengan menekan DISPLAY berulang kali.

## Petua

Untuk mengurangkan hingar statik pada stesen stereo FM yang lemah, tekan FM MODE berulang kali sehingga "MONO" menyala pada paparan. Anda akan kehilangan kesan stereo, tetapi penerimaan akan bertambah baik.

### Untuk menukar sela penalaan AM

(Kecuali untuk model Eropah dan Rusia)

Pengesetan lalai untuk sela penalaan AM ialah 9 kHz (atau 10 kHz untuk sesetengah kawasan). Ambil perhatian bahawa anda tidak boleh menukar sela penalaan AM dalam Mod Jimat Kuasa.

Gunakan butang pada subwufer untuk melaksanakan operasi ini.

- 1 Tekan FUNCTION, putar tombol MULTI CONTROL untuk memilih "TUNER AM", dan kemudian tekan ENTER.**
- 2 Tekan I/⏻ untuk mematikan sistem.**
- 3 Semasa menekan dan menahan ENTER, tekan FOOTBALL.**  
"9K STEP" atau "10K STEP" muncul pada paparan.  
Apabila anda menukar sela, semua stesen praset AM dipadamkan.

## Mempraset stesen radio

Anda boleh menyimpan sehingga 20 stesen FM dan 10 stesen AM sebagai stesen kegemaran anda.

**1 Tala ke stesen yang anda mahu.**

**2 Tekan DVD/TUNER MENU.**

**3 Tekan  $\leftarrow/\rightarrow$  berulang kali untuk memilih nombor praset yang anda mahu, kemudian tekan  $\boxed{+}$ .** "COMPLETE" muncul pada paparan dan stesen disimpan.

Jika stesen lain telah pun diberikan kepada nombor praset yang dipilih, stesen itu digantikan oleh stesen baru.

### Untuk mendengar stesen praset

Tekan PRESET+/- berulang kali untuk memilih nombor praset yang anda mahu.

Anda juga boleh menahan SHIFT, menekan butang angka, dan kemudian menekan  $\boxed{+}$  untuk memilih stesen praset.

## BLUETOOTH

### Tentang BLUETOOTH teknologi wayarles

BLUETOOTH teknologi wayarles ialah teknologi wayarles jarak dekat yang membolehkan komunikasi data wayarles di antara peranti digital. BLUETOOTH teknologi wayarles beroperasi dalam julat kira-kira 10 meter.

#### Versi, profil dan codec BLUETOOTH yang disokong

Untuk butir-butir, lihat "Bahagian BLUETOOTH" (halaman 84).

#### Peranti BLUETOOTH serasi

Untuk butir-butir, lihat "Tapak web peranti yang serasi" (halaman 10).

### Tentang BLUETOOTH penunjuk

Penunjuk BLUETOOTH pada subwufer menyala atau berkelip biru untuk menunjukkan status BLUETOOTH.

Status sistem	Status penunjuk
BLUETOOTH tunggu sedia	Berkelip perlahan
BLUETOOTH berpasangan	Berkelip cepat
BLUETOOTH sambungan diwujudkan	Menyala

---

## Menjadikan sistem ini berpasangan dengan peranti BLUETOOTH

Berpasangan ialah operasi peranti BLUETOOTH mendaftar dengan satu sama lain terlebih dahulu. Setelah operasi berpasangan dilakukan, ia tidak perlu dilakukan semula. Jika peranti anda adalah telefon pintar serasi NFC, tatacara berpasangan manual tidak perlu dibuat. (Lihat "One Touch (Satu Sentuhan) BLUETOOTH Sambungan oleh NFC" (halaman 54).)

**1** Letakkan peranti BLUETOOTH di dalam 1 meter dari sistem.

**2** Tekan BLUETOOTH pada subwufer untuk memilih fungsi BLUETOOTH.

"BLUETOOTH" muncul pada paparan.

### **Petua**

- Sekiranya tidak ada maklumat berpasangan pada sistem (sebagai contoh, apabila anda menggunakan fungsi BLUETOOTH buat kali pertama selepas pembelian), "PAIRING" berkelip pada paparan dan sistem memasuki mod berpasangan. Teruskan ke langkah 4.
- Jika sistem disambungkan kepada peranti BLUETOOTH, tekan BLUETOOTH pada subwufer untuk memutuskan peranti BLUETOOTH.

**3** Tahan PAIRING pada subwufer selama 2 saat atau lebih.

"PAIRING" berkelip pada paparan.

**4** Melakukan tatacara berpasangan pada peranti BLUETOOTH.

Untuk butir-butir, rujuk arahan operasi peranti BLUETOOTH anda.

**5** Pilih nama sistem (contohnya, "MHC-GT5D") pada paparan peranti BLUETOOTH.

Lakukan langkah ini dalam masa 5 minit, jika tidak, berpasangan akan dibatalkan. Dalam hal ini ulang dari langkah 3.

### **Nota**

Jika kunci maling diperlukan pada peranti BLUETOOTH, masukkan "0000". "Kunci maling" mungkin disebut "Kod laluan", "Kod PIN", "Nombor PIN" atau "Kata laluan".

**6** Lakukan sambungan BLUETOOTH pada peranti BLUETOOTH.

Apabila berpasangan selesai dan sambungan BLUETOOTH diwujudkan, nama peranti BLUETOOTH muncul pada paparan.

Bergantung pada peranti BLUETOOTH, sambungan mungkin bermula secara automatik selepas berpasangan selesai.

Anda boleh menyemak alamat peranti BLUETOOTH dengan menekan DISPLAY berulang kali.

### **Nota**

- Anda boleh melakukan berpasangan sehingga 9 peranti BLUETOOTH. Jika peranti BLUETOOTH ke-10 dijadikan berpasangan, peranti berpasangan yang paling lama akan dihapuskan.
- Jika anda ingin berpasangan dengan peranti BLUETOOTH lain, ulangi langkah 1 hingga 6.

## Untuk membatalkan operasi berpasangan

Tahan PAIRING pada subwufer selama 2 saat atau lebih sehingga "BLUETOOTH" muncul pada paparan.

## Untuk memadam maklumat berpasangan

Gunakan butang pada subwufer untuk melaksanakan operasi ini.

### 1 Tekan BLUETOOTH untuk memilih fungsi BLUETOOTH.

"BLUETOOTH" muncul pada paparan.

Jika sistem ini tersambung kepada peranti BLUETOOTH, nama peranti BLUETOOTH muncul di paparan.

Tekan BLUETOOTH untuk menamatkan sambungan BLUETOOTH.

### 2 Tahan ENTER dan – selama kira-kira 3 saat.







"BT HISTORY CLEAR" muncul di paparan dan semua maklumat berpasangan dipadamkan.

## Mendengar muzik pada peranti BLUETOOTH

Anda boleh mengendalikan peranti BLUETOOTH dengan menyambungkan sistem dengan peranti BLUETOOTH menggunakan AVRCP.

Semak perkara berikut sebelum memainkan muzik:

- Fungsi BLUETOOTH bagi peranti BLUETOOTH dihidupkan.
- Berpasangan telah selesai (halaman 52).

Sebaik sahaja sistem dan peranti BLUETOOTH disambungkan, anda boleh mengawal main balik dengan menekan , , ,  dan / .

### 1 Tekan BLUETOOTH pada subwufer untuk memilih fungsi BLUETOOTH.

"BLUETOOTH" muncul pada paparan.

### 2 Lakukan sambungan BLUETOOTH dengan peranti BLUETOOTH.

Tekan BLUETOOTH pada subwufer untuk menyambung ke peranti BLUETOOTH yang terakhir disambungkan.

Lakukan sambungan BLUETOOTH dari peranti BLUETOOTH jika peranti tidak tersambung.

Setelah sambungan diwujudkan, nama peranti BLUETOOTH muncul di paparan.

### 3 Tekan ► untuk memulakan main balik.

Bergantung pada peranti BLUETOOTH,

- anda mungkin perlu menekan ► dua kali.
- anda mungkin perlu mula memainkan sumber audio pada peranti BLUETOOTH.

### 4 Melaraskan kelantangan.

Laraskan aras kelantangan peranti BLUETOOTH dahulu. Jika aras kelantangan masih terlalu rendah, laraskan aras kelantangan pada sistem.

#### **Nota**

- Apabila sistem tidak tersambung kepada mana-mana peranti BLUETOOTH, sistem akan menyambung kepada peranti BLUETOOTH terakhir yang tersambung secara automatik apabila anda menekan BLUETOOTH pada subwufer atau ►.
- Jika anda cuba untuk menyambungkan peranti BLUETOOTH lain kepada sistem, peranti BLUETOOTH semasa yang tersambung akan diputuskan.

### Untuk menamatkan sambungan BLUETOOTH

Tekan BLUETOOTH pada subwufer. "BLUETOOTH" muncul pada paparan. Bergantung pada peranti BLUETOOTH, sambungan BLUETOOTH mungkin ditamatkan secara automatik apabila anda menghentikan main balik.

---

## One Touch (Satu Sentuhan) BLUETOOTH Sambungan oleh NFC

NFC (Near Field Communication) Komunikasi Medan Dekat ialah teknologi yang membolehkan komunikasi wayarles julat dekat di antara pelbagai peranti, seperti telefon pintar dan tag IC.

Apabila anda menyentuh sistem dengan telefon pintar serasi NFC, sistem secara automatik:

- dihidupkan dalam fungsi BLUETOOTH.
- melengkapkan berpasangan dan sambungan BLUETOOTH.

#### **Telefon pintar yang serasi**

Telefon pintar dengan fungsi NFC terbina dalam (OS: Android™ 2.3.3 atau selepas itu, tidak termasuk Android 3.x)

**Nota**

- Sistem hanya boleh mengecam dan menyambung kepada satu telefon pintar NFC yang serasi pada satu-satu masa. Jika anda cuba untuk menyambungkan telefon pintar serasi NFC yang lain kepada sistem, telefon pintar serasi NFC semasa yang tersambung akan diputuskan.
- Bergantung pada telefon pintar serasi NFC anda, anda mungkin perlu melakukan langkah-langkah berikut pada telefon pintar serasi NFC anda terlebih dahulu.
  - Menghidupkan fungsi NFC. Untuk butir-butir, rujuk arahan pengendalian telefon pintar serasi NFC anda.
  - Jika telefon pintar serasi NFC anda mempunyai versi OS yang lebih lama daripada Android 4.1.x, muat turun dan mulakan aplikasi "NFC Easy Connect". "NFC Easy Connect" ialah aplikasi percuma untuk telefon pintar Android yang boleh didapati dari Google Play™. (Aplikasi ini mungkin tidak boleh didapati di sesetengah negara/kawasan.)

## 1 Sentuh telefon pintar kepada N-Mark pada subwufer sehingga telefon pintar bergetar.



Lengkapkan sambungan dengan mengikuti arahan yang dipaparkan pada telefon pintar.

Apabila sambungan BLUETOOTH diwujudkan, nama peranti BLUETOOTH muncul pada paparan.

## 2 Mulakan main balik sumber audio pada telefon pintar.

Untuk butir-butir, rujuk arahan operasi peranti BLUETOOTH anda.

**Petua**

Jika berpasangan dan sambungan BLUETOOTH gagal, lakukan yang berikut.

- Tanggalkan sarung daripada telefon pintar jika menggunakan sarung telefon pintar boleh didapati secara komersial.
- Sentuh telefon pintar kepada N-Mark pada subwufer sekali lagi.
- Lancarkan semula aplikasi "NFC Easy Connect".

## Untuk menamatkan sambungan BLUETOOTH

Sentuh telefon pintar kepada N-Mark pada subwufer sekali lagi.

---

## Mengesetkan codec audio BLUETOOTH

Anda boleh memilih codec audio BLUETOOTH dari AAC atau SBC. AAC hanya boleh dipilih apabila peranti BLUETOOTH menyokong AAC.

**1** Tekan **OPTIONS**.

**2** Tekan **↔** berulang kali untuk memilih **"BT AAC"**, kemudian tekan **[+]**.

**3** Tekan **↔** berulang kali untuk memilih pengesetan, kemudian tekan **[+]**.

- BT AAC ON: AAC boleh didapati.
- BT AAC OFF: AAC tidak boleh didapati dan SBC diaktifkan sebagai ganti.

Untuk keluar dari menu opsyen, tekan **OPTIONS**.

### Nota

- Anda boleh menikmati bunyi yang berkualiti tinggi jika AAC dipilih. Sekiranya anda tidak dapat mendengar bunyi AAC dari peranti anda atau bunyi terganggu, pilih **"BT AAC OFF"**.
- Jika anda menukar pengesetan ini semasa sistem tersambungkan kepada peranti BLUETOOTH, peranti BLUETOOTH akan diputuskan. Untuk menyambung kepada peranti BLUETOOTH, lakukan penyambungan BLUETOOTH sekali lagi.

---

## Mengesetkan mod tunggu sedia BLUETOOTH

Mod tunggu sedia BLUETOOTH membolehkan sistem dihidupkan secara automatik apabila anda mewujudkan sambungan BLUETOOTH dengan peranti BLUETOOTH.

**1** Tekan **OPTIONS**.

**2** Tekan **↔** berulang kali untuk memilih **"BT STBY"**, kemudian tekan **[+]**.

**3** Tekan **↔** berulang kali untuk memilih pengesetan, kemudian tekan **[+]**.

- ON: Sistem hidup secara automatik walaupun sistem berada dalam mod tunggu sedia.
- OFF: Matikan fungsi ini.

Untuk keluar dari menu opsyen, tekan **OPTIONS**.



## Menghidupkan atau mematikan isyarat BLUETOOTH

Anda boleh menyambung kepada sistem dari peranti BLUETOOTH berpasangan dalam semua fungsi apabila isyarat BLUETOOTH sistem disetkan kepada hidup. Isyarat BLUETOOTH ini dihidupkan secara lalai.

Gunakan butang pada subwufer untuk melaksanakan operasi ini.

**Tahan ENTER dan  + selama kira-kira 3 saat.**

“BT ON” atau “BT OFF” muncul pada paparan.

### Nota

- Anda tidak boleh melaksanakan operasi yang berikut apabila isyarat BLUETOOTH disetkan kepada mati:
  - Berpasangan dan/atau menyambung dengan peranti BLUETOOTH
  - Memadamkan maklumat berpasangan
  - Menggunakan “SongPal” melalui BLUETOOTH
  - Menukar BLUETOOTH codec audio
- Jika anda menyentuh N-Mark pada subwufer dengan telefon pintar serasi NFC atau mengesetkan mod tunggu sedia BLUETOOTH kepada hidup, isyarat BLUETOOTH akan disetkan kepada hidup secara automatik.

## Menggunakan “SongPal” melalui BLUETOOTH

### Tentang Aplikasi

Anda boleh mengawal sistem menggunakan Aplikasi percuma “SongPal”, yang boleh didapati di Google Play dan juga App Store. Gelintar “SongPal” atau imbas kod dua dimensi di bawah, kemudian muat turun Aplikasi untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ciri-cirinya yang lebih memudahkan.



### Nota

Jika aplikasi “SongPal” tidak berfungsi dengan baik, tekan BLUETOOTH pada subwufer untuk menamatkan sambungan BLUETOOTH, kemudian melaksanakan sambungan BLUETOOTH sekali lagi supaya sambungan BLUETOOTH berfungsi secara normal.

## Pelarsan Bunyi

### Melaraskan bunyi

Kepada	Lakukan ini
Menguatkan bes dan mewujudkan bunyi yang lebih berkuasa	Tekan MEGA BASS berulang kali untuk memilih "BASS ON". Penunjuk MEGA BASS pada subwufer menyala.
Pilih kesan bunyi praset	Tekan MUSIC atau VIDEO. Anda juga boleh menggunakan butang pada subwufer. Tekan SOUND FIELD, putar tombol MULTI CONTROL untuk memilih kesan bunyi yang anda mahu, dan kemudian tekan ENTER. Untuk membatalkan kesan bunyi praset, tekan MUSIC berulang kali untuk memilih "FLAT". Anda juga boleh menggunakan butang pada subwufer untuk memilih "FLAT".

### Melaraskan aras subwufer

- 1 Tekan **OPTIONS**.
- 2 Tekan **↑/↓** berulang kali untuk memilih "**SUBWOOFER**", kemudian tekan **+**.
- 3 Tekan **↑/↓** berulang kali untuk memilih aras subwufer, kemudian tekan **+**.  
Untuk keluar dari menu opsiyen, tekan **OPTIONS**.

## Memilih mod Bola Sepak Maya

Anda boleh mengalami perasaan berada di stadium apabila menonton siaran perlawanan bola sepak.

Sila ambil perhatian bahawa anda hanya boleh memilih mod Bola Sepak Maya semasa fungsi Audio In dan optik.

### Tekan FOOTBALL berulang kali semasa menonton siaran perlawanan bola sepak.

- ON NARRATION: Anda dapat menikmati perasaan mengasyikkan berada di stadium bola sepak melalui sorakan stadium yang dipertingkatkan.
- OFF NARRATION: Anda dapat menikmati perasaan yang lebih mengasyikkan berada di stadium bola sepak dengan meminimumkan tahap kelantangan rawi di samping peningkatkan sorakan.

### Untuk membatalkan mod Bola Sepak Maya

Tekan MUSIC berulang kali untuk memilih "FLAT".

#### Nota

- Kami menyarankan supaya anda memilih mod Bola Sepak Maya apabila menonton siaran perlawanan bola sepak.
- Jika anda mendengar bunyi luar biasa dalam kandungan apabila "OFF NARRATION" dipilih, "ON NARRATION" disyorkan.
- Ciri ini tidak menyokong bunyi mono.

## Mewujudkan kesan bunyi anda sendiri

Anda boleh menaikkan atau menurunkan aras jalur frekuensi tertentu, kemudian menyimpan pengesetan dalam ingatan sebagai "CUSTOM EQ".

### 1 Tekan OPTIONS.

2 Tekan  $\uparrow/\downarrow$  berulang kali untuk memilih "EQ EDIT", kemudian tekan  $\boxed{+}$ .

3 Tekan  $\uparrow/\downarrow$  berulang kali untuk melaraskan aras penyama (equalizer), kemudian tekan  $\boxed{+}$ .

4 Ulangi langkah 3 untuk melaraskan aras jalur frekuensi lain dan kesan keliling.

Untuk keluar dari menu opsyen, tekan OPTIONS.

### Untuk memilih pengesetan penyama tersuai

Tekan MUSIC berulang kali untuk memilih "CUSTOM EQ".

---

# Mencipta suasana parti (DJ EFFECT)

Gunakan butang pada subwufer untuk melaksanakan operasi ini.

## 1 Tekan butang berikut untuk memilih jenis kesan.

- **FLANGER:** Mencipta kesan pembibiran yang dalam yang serupa dengan deruan pesawat jet.
- **ISOLATOR:** Mengasingkan jalur frekuensi tertentu dengan melaraskan jalur frekuensi lain. Ini adalah berguna apabila anda mahu memberi fokus kepada vokal.
- **SAMPLER:** Menyediakan siri kesan bunyi khas.

## 2 Menukar kesan bunyi.

### Untuk **FLANGER** dan **ISOLATOR** :

Putar tombol VOLUME/DJ CONTROL untuk melaraskan aras kesan.

### Untuk **SAMPLER**:

Tekan **SAMPLER** berulang kali untuk memilih "SAMPLER1" atau "SAMPLER2", kemudian tekan S1/S2/S3/S4 untuk mengoutput kesan bunyi sampel.

Untuk mengoutput kesan bunyi sampel lain secara berterusan, putar tombol VOLUME/DJ CONTROL.

### Untuk mematikan kesan

Tekan DJ OFF atau butang kesan yang dipilih sekali lagi (untuk FLANGER dan ISOLATOR sahaja).

### Nota

- DJ EFFECT dimatikan secara automatik apabila anda:
  - matikan sistem
  - tukar fungsi
  - tukar jalur penala
  - aktifkan atau nyahaktifkan fungsi Rantaian Parti
  - aktifkan mod Bola Sepak Maya
- DJ EFFECT tidak menjejaskan fail audio yang dipindahkan. Fail audio yang dipindahkan akan dijana tanpa DJ EFFECT walaupun anda telah mengaktifkannya.
- Anda tidak boleh menggunakan VOLUME/DJ CONTROL pada subwufer untuk melaraskan kelantangan apabila DJ EFFECT diaktifkan. Tekan  $\triangleleft$  +/- pada alat kawalan jauh untuk melaraskan kelantangan.

### Menggunakan fungsi Rantaian Parti

Anda boleh menyambungkan berbilang sistem audio dalam rantaian untuk mencipta persekitaran parti yang lebih menarik dan untuk menghasilkan output bunyi yang lebih tinggi.

Sistem dalam rantaian yang diaktifkan akan menjadi "Hos Parti" dan berkongsi muzik. Sistem lain akan menjadi "Tetamu Parti" dan memainkan muzik yang sama seperti yang dimainkan oleh "Hos Parti".


#### Menyediakan Rantaian Parti

Sediakan Rantaian Parti dengan menyambungkan semua sistem menggunakan kord audio (tidak dibekalkan).

Sebelum menyambungkan kord, pastikan anda menanggalkan kord kuasa AC.

#### **A** Jika semua sistem dilengkapi dengan fungsi Rantaian Parti


Contoh: Apabila menyambung menggunakan sistem ini sebagai sistem pertama



- Sistem yang terakhir mestilah disambungkan kepada sistem pertama.
- Mana-mana sistem boleh menjadi Hos Parti.
- Anda boleh menukar Hos Parti kepada sistem lain dalam rantaian. Untuk butiran-butiran, lihat "Untuk memilih Hos Parti baru" (halaman 63).

## **B** Jika salah satu sistem tidak dilengkapi dengan fungsi Rantaian Parti

Contoh: Apabila menyambung menggunakan sistem ini sebagai sistem pertama



\* Sambungkan sistem yang tidak dilengkapi dengan fungsi Rantaian Parti pada sistem terakhir. Pastikan anda memilih fungsi Audio In pada sistem terakhir ini.

- Sistem yang terakhir tidak tersambung kepada sistem pertama.
- Anda mesti memilih sistem pertama sebagai Hos Parti supaya semua sistem memainkan muzik yang sama apabila fungsi Rantaian Parti diaktifkan.

## Menikmati Rantaian Parti

- 1 **Palamkan kord kuasa AC dan menghidupkan semua sistem.**
- 2 **Laraskan kelantangan pada setiap sistem.**
- 3 **Aktifkan fungsi Rantaian Parti pada sistem untuk digunakan sebagai Hos Parti.**

### **Contoh: Apabila menggunakan sistem ini sebagai Hos Parti**

Tekan FUNCTION +/- berulang kali untuk memilih fungsi yang dikehendaki (kecuali Apabila fungsi Audio In digunakan dalam sambungan **A** (halaman 61)). Mula memainkan muzik, kemudian tekan PARTY CHAIN pada subwufer. "PARTY CHAIN" muncul pada paparan. Hos Parti memulakan Rantaian Parti, dan sistem lain menjadi Tetamu Parti secara automatik. Semua sistem memainkan muzik yang sama seperti yang dimainkan oleh Hos Parti.

### **Nota**

- Bergantung pada jumlah unit sistem yang disambungkan, Tetamu Parti mungkin mengambil sedikit masa untuk mula memainkan muzik.
- Menukar aras kelantangan dan kesan bunyi pada Hos Parti tidak akan menjejaskan output pada Tetamu Parti.
- Tetamu Parti terus memainkan sumber muzik dari Hos Parti walaupun anda menukar fungsi pada mana-mana Tetamu Parti. Walau bagaimanapun, anda boleh melaraskan kelantangan dan menukar kesan bunyi pada mana-mana Tetamu Parti.
- Apabila anda menggunakan mikrofon pada Hos Parti, bunyi tidak akan dioutput dari Tetamu Parti.

- Apabila salah satu sistem dalam rantaian melaksanakan pemindahan USB, tunggu sehingga sistem selesai atau hentikan pemindahan sebelum anda mengaktifkan fungsi Rantaian Parti.
- Untuk butir-butir pengendalian pada sistem lain, rujuk arahan pengendalian sistem tersebut.

### **Untuk memilih Hos Parti baru**

Ulangi langkah 3 "Menikmati Rantaian Parti" pada sistem yang akan digunakan sebagai Hos Parti baru. Hos Parti semasa menjadi Tetamu Parti secara automatik. Semua sistem memainkan muzik yang sama seperti yang dimainkan oleh Hos Parti baru.

### **Nota**

- Anda boleh memilih sistem lain sebagai Hos Parti baru hanya selepas fungsi Rantaian Parti semua sistem dalam Rantaian telah diaktifkan.
- Jika sistem yang dipilih tidak menjadi Hos Parti baru selepas beberapa saat, ulang langkah 3 di bawah "Menikmati Rantaian Parti".

### **Untuk menyahaktifkan Rantaian Parti**

Tekan PARTY CHAIN pada Hos Parti.

### **Nota**


Jika fungsi Rantaian Parti tidak dinyahaktifkan selepas beberapa saat, tekan PARTY CHAIN pada Hos Parti sekali lagi.

# Nyanyi bersama-sama: Karaoke

## Persediaan untuk Karaoke

- 1** Putar MIC LEVEL pada subwufer kepada MIN untuk mengurangkan aras kelantangan mikrofon.

Julat kelantangan mikrofon



- 2** Sambungkan mikrofon opsyenal kepada jek MIC 1 atau MIC 2 pada subwufer.

Sambungkan mikrofon opsyenal lain jika anda mahu menyanyi secara berduet.

- 3** Mula memainkan muzik dan melaraskan kelantangan mikrofon. Tekan MIC ECHO berulang kali untuk melaraskan aras gema.

- 4** Mula menyanyi bersama-sama dengan muzik.

## Nota

- Mod Karaoke dihidupkan apabila mikrofon disambungkan semasa fungsi DVD/CD atau USB.
- Jika lolongan (howling) berlaku:
  - alihkan mikrofon jauh dari sistem.
  - tukar arah mikrofon.
  - turunkan aras kelantangan mikrofon.
  - tekan  $\triangleleft$  – untuk mengurangkan aras kelantangan atau tekan MIC ECHO berulang kali untuk melaraskan aras gema.
- Bunyi mikrofon tidak akan dipindahkan ke peranti USB semasa pemindahan USB.

## Menggunakan Pemudar Vokal

Anda boleh mengurangkan bunyi vokal dalam sumber stereo.

### Tekan VOCAL FADER berulang kali untuk memilih "V,FADER ON".

Untuk membatalkan kesan Pemudar Vokal, tekan VOCAL FADER berulang kali untuk memilih "V,FADER OFF".

## Nota

Untuk menggunakan Pemudar Vokal dalam fungsi DVD/CD atau USB, hidupkan mod Karaoke dengan menyambungkan mikrofon.

## Menukar nada (Kawalan Nada)

Tekan KEY CONTROL  $b/\#$  untuk menyesuaikan dengan julat vokal anda dalam mod Karaoke.



## Memilih mod pemarkahan (Mod Markah)

Apabila mod Karaoke dihidupkan anda boleh menggunakan fungsi pemarkahan.

Markah anda dikira dari skala 0 hingga 99 dengan membandingkan suara anda dengan sumber muzik.

- 1** Mula memainkan muzik.
- 2** Tekan **SCORE** sebelum menyanyikan lagu dalam mod Karaoke.
- 3** Selepas menyanyi lebih daripada satu minit, tekan **SCORE** sekali lagi untuk melihat markah anda.

### Untuk memilih kadaran Mod Markah

Lihat [SCORE MODE] dalam "Mengesetkan opsyen audio – [AUDIO SETUP]" (halaman 43).

## Menikmati muzik dengan Lampu Parti dan Lampu Pembesar Suara

- 1** Tekan **PARTY LIGHT** berulang kali untuk memilih "LED ON".
- 2** Tekan **LIGHT MODE** berulang kali untuk menukar mod pencahayaan.

### Untuk mematikan Lampu Parti dan Lampu Pembesar Suara

Tekan **PARTY LIGHT** berulang kali untuk memilih "LED OFF".

#### Nota

Jika kecerahan pencahayaan adalah terlalu silau, hidupkan lampu bilik atau matikan pencahayaan.

## Menggunakan pemasa

Sistem menawarkan tiga fungsi pemasa. Anda tidak boleh mengaktifkan Pemasa Main dan juga Pemasa Rakaman pada masa yang sama. Jika anda menggunakan salah satunya dengan Pemasa Tidur, Pemasa Tidur diberi keutamaan.

### Pemasa Tidur

Sistem dimatikan secara automatik selepas waktu yang dipreset.

#### **Tekan SLEEP berulang kali untuk memilih masa yang dikehendaki.**

Untuk membatalkan Pemasa Tidur, tekan SLEEP berulang kali untuk memilih "OFF".

#### **Petua**

Untuk memeriksa baki masa sebelum sistem dimatikan, tekan SLEEP.

### Pemasa Main/Pemasa Rakaman

Pastikan anda telah mengesetkan jam (halaman 30).

#### **Pemasa Main:**

Anda boleh bangun tidur dengan cakera, penala atau peranti USB pada waktu praset.

#### **Masa Rakaman:**

Anda boleh memindahkan muzik dari stesen radio praset ke peranti USB pada masa yang dinyatakan.

## 1 Menyediakan sumber bunyi.

#### **Pemasa Main:**

Sediakan sumber bunyi, dan kemudian tekan  $\triangleleft$  +/- untuk melaraskan kelantangan.

Semasa memilih cakera atau peranti USB sebagai sumber bunyi, dan anda mahu bermula dari runut atau fail tertentu, cipta atur cara anda sendiri (halaman 37).

#### **Masa Rakaman:**

Tala ke stesen radio (halaman 50).

## 2 Tahan SHIFT kemudian tekan TIMER MENU.

**3** Tekan  $\leftarrow/\rightarrow$  berulang kali untuk memilih "PLAY SET" atau "REC SET", kemudian tekan  $\boxed{+}$ .

**4** Setkan waktu untuk mula main balik atau pindah.

Tekan  $\leftarrow/\rightarrow$  berulang kali untuk mengesetkan jam/minit, kemudian tekan  $\boxed{+}$ .

**5** Gunakan tatacara yang sama seperti dalam langkah 4 untuk mengeset waktu bagi menghentikan main balik atau pindah.

**6** Tekan  $\leftarrow/\rightarrow$  berulang kali untuk memilih sumber bunyi yang anda mahu, kemudian tekan  $\boxed{+}$ .

Untuk Pemasa Rakaman, sambungkan peranti USB ke port  $\psi$  (USB) 2 selepas memilih sumber bunyi.

**7** Tekan  $I/\text{power}$  untuk mematikan sistem.

#### Nota

Jika sistem masih hidup, pemasa tidak akan dilaksanakan.

**Untuk memeriksa pengesetan pemasa atau mengaktifkan pemasa sekali lagi**

**1** Tahan SHIFT kemudian tekan TIMER MENU.

"TIMER SEL" berkelip pada paparan.

**2** Tekan  $\boxed{+}$ .

**3** Tekan  $\leftarrow/\rightarrow$  berulang kali untuk memilih "PLAY SEL" atau "REC SEL", kemudian tekan  $\boxed{+}$ .

**Untuk membatalkan pemasa**

Ulangi tatacara yang sama seperti "Untuk memeriksa pengesetan pemasa atau mengaktifkan pemasa sekali lagi" dan pilih "TIMER OFF" dalam langkah 3, kemudian tekan  $\boxed{+}$ .

#### Nota

- Sistem dihidupkan sebelum waktu yang dipraset. Jika sistem telah pun dihidupkan pada waktu yang dipraset atau jika "STANDBY" berkelip pada paparan, Pemasa Main dan Pemasa Rakaman tidak akan diaktifkan.
- Jangan mengendalikan sistem dari waktu sistem dihidupkan sehingga main balik atau pindah bermula.

---

## Menggunakan kelengkapan opsyenal

- 1 Tekan  $\triangleleft$  – berulang kali sehingga “VOLUME MIN” muncul pada paparan.
- 2 Sambungkan kelengkapan opsyenal (halaman 23).
- 3 Tekan FUNCTION +/- berulang kali untuk memilih fungsi yang sepadan dengan kelengkapan yang disambungkan.
- 4 Mula mainkan kelengkapan yang disambungkan.
- 5 Tekan  $\triangleleft$  + berulang kali untuk melaraskan kelantangan.

### Nota

Sistem mungkin memasuki mod tunggu sedia secara automatik jika aras kelantangan kelengkapan yang disambungkan adalah terlalu rendah. Laraskan aras kelantangan kelengkapan. Jika anda mematikan fungsi siap sedia automatik, lihat “Mengesetkan fungsi tunggu sedia automatik” (halaman 69).

---

## Menyahaktifkan butang pada subwufer (Kunci Kanak-kanak)

Anda boleh menyahaktifkan butang pada subwufer (kecuali I/⏻) untuk mencegah pengendalian salah, seperti kenakalan kanak-kanak.

### Tahan ■ pada subwufer lebih daripada 5 saat.

“CHILD LOCK ON” muncul pada paparan.

Anda hanya boleh mengendalikan sistem menggunakan butang pada alat kawalan jauh.

Untuk mematikan fungsi Kunci Kanak-kanak, tahan ■ pada subwufer lebih daripada 5 saat sehingga “CHILD LOCK OFF” muncul di paparan.

### Nota

- Fungsi Kunci Kanak-kanak akan dimatikan secara automatik apabila anda mencabut kord kuasa AC.
- Fungsi Kunci Kanak-kanak tidak boleh diaktifkan apabila anda membuka dulang cakera.

---

## Mengesetkan fungsi tunggu sedia automatik

Sistem memasuki mod tunggu sedia secara automatik dalam masa kira-kira 15 minit apabila tidak ada pengendalian atau output isyarat audio.

Secara lalai, fungsi tunggu sedia automatik dihidupkan.

- 1 Tekan **OPTIONS**.
- 2 Tekan **↔/↔** berulang kali untuk memilih **"AUTO STBY"**, kemudian tekan **[+]**.
- 3 Tekan **↔/↔** berulang kali untuk memilih **"ON"** atau **"OFF"**, kemudian tekan **[+]**.

Untuk keluar dari menu opsyen, tekan **OPTIONS**.

### Nota

- "AUTO STBY" berkelip di paparan kira-kira 2 minit sebelum memasuki mod tunggu sedia.
- Fungsi tunggu sedia automatik tidak berkesan dalam keadaan berikut:
  - semasa fungsi penala.
  - apabila pemasa diaktifkan.
  - apabila mikrofon disambungkan.

---

## Mengemas kini perisian

Perisian sistem ini mungkin dikemas kini pada masa hadapan. Anda boleh mengemas kini perisian dari tapak web di bawah ini.

### Untuk pelanggan di Amerika Latin:

<<http://esupport.sony.com/LA>>

### Untuk pelanggan di Eropah dan Rusia:

<<http://www.sony.eu/support>>

### Untuk pelanggan di negara/kawasan lain:

<<http://www.sony-asia.com/support>>

Ikuti arahan dalam talian untuk mengemas kini perisian.

## Maklumat Tambahan

### Penyelesaian Masalah

Sekiranya anda menghadapi masalah dengan sistem anda, cari masalah anda dalam senarai semak penyelesaian masalah di bawah ini dan ambil tindakan pembetulan. Sekiranya masalah berterusan, hubungi wakil penjual Sony anda yang terdekat.

Ambil perhatian bahawa sekiranya kakitangan perkhidmatan menukar beberapa bahagian semasa pembaikan, bahagian-bahagian ini mungkin disimpan.

#### **Jika "PROTECT XX" (X ialah nombor) muncul di paparan**

Cabut palam kord kuasa AC dengan serta-merta, dan periksa perkara-perkara berikut.

- Adakah bukaan pengudaraan subwufer terhalang?
- Adakah port USB mengalami litar pintas?

Selepas anda memeriksa perkara-perkara di atas dan mendapati tiada masalah, sambungkan semula kord kuasa AC, dan hidupkan sistem. Jika masalah berterusan, hubungi wakil penjual Sony yang terdekat.

## Am

### **Kuasa tidak dapat dihidupkan.**

- Periksa bahawa kord kuasa AC telah disambungkan dengan kemas.

### **Sistem tidak dapat dimatikan walaupun I/⏻ ditekan.**

- Anda mungkin telah mengesetkan mod paparan kepada mod demonstrasi secara tidak sengaja. Tekan DISPLAY berulang kali untuk memilih Mod Jimat Kuasa (halaman 30).

### **Sistem telah memasuki mod tunggu sedia.**

- Ini bukan pincang tugas. Sistem memasuki mod tunggu sedia secara automatik dalam masa kira-kira 15 minit apabila tidak ada pengendalian atau output isyarat audio (halaman 69).

### **Pengesetan jam atau pemasa dibatalkan.**

- Kord kuasa AC dicabut atau berlaku kegagalan kuasa. Setkan jam (halaman 30) dan pemasa (halaman 66) sekali lagi.

### **Tidak ada bunyi.**

- Melaraskan kelantangan.
- Periksa sambungan pembesar suara (halaman 23).
- Periksa sambungan kelengkapan opsyen, jika ada (halaman 23).
- Hidupkan kelengkapan yang disambungkan.
- Tidak ada output audio yang tersedia semasa Pemasa Rakaman.
- Cabut palam kord kuasa AC, kemudian sambungkan semula kord kuasa AC dan hidupkan sistem.

**Tidak ada bunyi mikrofon.**

- Laraskan aras kelantangan mikrofon.
- Pastikan mikrofon disambungkan ke jek MIC 1 atau MIC 2 pada subwufer dengan betul.
- Pastikan mikrofon telah dihidupkan.

**Tiada bunyi TV didengar dari sistem.****“CODE 01” dan “SIGNAL ERR” muncul di paparan.**

- Sistem ini hanya menyokong format PCM Linear 2-saluran sahaja. Semak pengesetan output audio pada TV dan tukarkannya kepada mod output PCM jika mod automatik dipilih (halaman 27).
- Semak bahawa pengesetan output pembesar suara pada TV telah disetkan untuk menggunakan pembesar suara luaran (halaman 27).

**Terdapat dengungan atau hingar yang teruk.**

- Alihkan sistem jauh dari punca hingar.
- Sambungkan sistem ke soket dinding yang lain.
- Pasang penapis hingar (boleh didapati secara komersial) kepada kord kuasa AC.
- Matikan kelengkapan elektrik sekeliling.
- Hingar yang dijana oleh kipas penyejukan sistem mungkin didengar apabila sistem berada dalam mod tunggu sedia atau semasa main balik. Ini bukan pincang tugas.

**Pemasa tidak berfungsi.**

- Periksa pengesetan pemasa dan setkan masa yang betul (halaman 66).
- Batalkan fungsi Pemasa Tidur (halaman 66).

**Alat kawalan jauh tidak berfungsi.**

- Alihkan halangan di antara alat kawalan jauh dengan subwufer.
- Alihkan alat kawalan jauh lebih dekat ke subwufer.
- Halakan alat kawalan jauh ke penerima subwufer.
- Gantikan bateri (R03/saiz AAA).
- Alihkan subwufer jauh dari lampu pendarfluor.

**Terdapat suap balik akustik.**

- Kurangkan kelantangan.
- Alihkan mikrofon jauh dari sistem atau tukar arah mikrofon.

**Ketaksekataan warna pada skrin TV berterusan.**

- Matikan TV serta-merta, kemudian hidupkannya selepas 15 hingga 30 minit. Jika ketaksekataan warna masih berterusan, alihkan sistem jauh dari TV.

**“CHILD LOCK” muncul apabila anda menekan mana-mana butang pada subwufer.**

- Matikan fungsi Kunci Kanak-kanak (halaman 68).

**Bunyi klik kedengaran semasa menghidupkan kuasa.**

- Ini ialah bunyi operasi dan ia berlaku apabila kuasa dihidupkan atau dimatikan, sebagai contoh. Ini bukan pincang tugas.

## **Pemain cakera**

---

### **Dulang cakera tidak boleh buka dan "LOCKED" muncul di paparan.**

- Hubungi wakil penjual Sony anda yang terdekat atau pusat kemudahan servis Sony tempatan yang sah.

### **Dulang cakera tidak boleh tutup.**

- Muatkan cakera dengan betul

### **Cakera tidak boleh keluar.**

- Anda tidak boleh mengeluarkan cakera semasa Pindah Segerak CD-USB atau Pindah REC1. Tekan ■ untuk membatalkan pemindahan, kemudian tekan ▲ pada subwufer untuk mengeluarkan cakera.
- Hubungi wakil penjual Sony anda yang terdekat.

### **Main balik tidak dimulakan.**

- Lapkan cakera supaya bersih (halaman 80).
- Muat semula cakera.
- Muatkan cakera yang boleh dimainkan balik oleh sistem ini (halaman 7).
- Keluarkan cakera dan lapkan lembapan pada cakera, kemudian biarkan sistem dihidupkan selama beberapa jam sehingga lembapan tersejat.
- Kod kawasan pada DVD VIDEO tidak sepadan dengan sistem.

### **Bunyi melompat.**

- Lapkan cakera supaya bersih (halaman 80).
- Muat semula cakera.
- Alihkan subwufer ke tempat yang tidak ada getaran.

### **Main balik tidak bermula dari runut pertama.**

- Setkan mod main kepada Main Normal (halaman 36).
- Sambung Semula Main telah dipilih. Tekan ■ dua kali. Kemudian, tekan ► untuk memulakan main balik.

### **Anda tidak boleh melaksanakan beberapa fungsi seperti Henti, Gelintar Kunci, Main Gerak Perlahan, Main Ulang, Main Rawak, atau Main Atur Cara.**

- Bergantung pada cakera, anda mungkin tidak dapat melakukan beberapa pengendalian di atas. Rujuk kepada arahan pengendalian yang dibekalkan bersama-sama cakera.

### **DATA CD/DATA DVD (MP3, JPEG, MPEG4 atau Xvid) tidak boleh dimainkan balik.**

- Data tidak disimpan dalam format yang disokong.
- Pastikan anda telah memilih Mod Media yang betul sebelum main balik.

### **Nama folder, nama runut, nama fail dan aksara ID3 tag tidak muncul dengan betul.**

- Versi ID3 bukan dalam Versi 1 (1.0/1.1) atau Versi 2 (2.2/2.3).
- Kod aksara yang boleh dipaparkan oleh sistem ini adalah seperti berikut:
  - Huruf besar (A hingga Z)
  - Nombor (0 hingga 9)
  - Simbol (< > \* +, [ ] \ \_)
  - Aksara lain muncul sebagai " \_ ".



### **Bunyi kehilangan kesan stereo apabila anda memainkan balik AUDIO CD, VIDEO CD, fail audio, fail video atau DVD VIDEO.**

- Cabut palam semua mikrofon. “🔇” hilang dari paparan.
- Pastikan sistem disambungkan dengan betul.
- Periksa sambungan pembesar suara (halaman 23).

## **Peranti USB**

### **Pemindahan mengakibatkan ralat.**

- Anda menggunakan peranti USB yang tidak disokong. Semak maklumat pada tapak web tentang peranti USB yang serasi (halaman 10).
- Peranti USB tidak diformatkan dengan betul. Rujuk arahan pengendalian peranti USB mengenai cara untuk memformat.
- Matikan sistem, dan tanggalkan peranti USB. Jika peranti USB mempunyai suis kuasa, matikannya dan hidupkannya semula selepas mengeluarkannya dari sistem. Kemudian, laksanakan pemindahan sekali lagi.
- Jika operasi pemindahan dan pemadaman diulangi berbilang kali, struktur fail dalam peranti USB menjadi terserpih. Rujuk arahan pengendalian peranti USB mengenai cara untuk menangani masalah ini.
- Peranti USB telah diputuskan sambungannya atau kuasa telah dimatikan semasa pemindahan. Hapuskan fail yang separa dipindahkan, dan laksanakan pemindahan sekali lagi. Jika ini tidak menyelesaikan masalah, peranti USB mungkin rosak. Rujuk arahan pengendalian peranti USB mengenai cara untuk menangani masalah ini.

### **Fail atau folder audio pada peranti USB tidak boleh dipadam.**

- Periksa sama ada peranti USB terlindung-tulis.
- Peranti USB telah diputuskan sambungannya atau kuasa telah dimatikan semasa pengendalian padam. Hapuskan fail yang separa dipadamkan. Jika ini tidak menyelesaikan masalah, peranti USB mungkin rosak. Rujuk arahan pengendalian peranti USB mengenai cara untuk menangani masalah ini.

### **Tidak ada bunyi.**

- Peranti USB tidak tersambung dengan betul. Matikan sistem dan sambung semula peranti USB, kemudian hidupkan sistem dan periksa sama ada “USB 1” atau “USB 2” muncul di paparan.

### **Terdapat hingar, bunyi melompat, atau bunyi terherot.**

- Anda menggunakan peranti USB yang tidak disokong. Semak maklumat pada tapak web tentang peranti USB yang serasi (halaman 10).
- Matikan sistem dan sambung semula peranti USB, kemudian hidupkan sistem.
- Data muzik sendiri mengandungi hingar, atau bunyi terherot. Hingar mungkin telah masuk semasa proses pemindahan. Hapuskan fail, dan cuba pindahkan sekali lagi.
- Kadar bit yang digunakan dalam pengekodan fail audio adalah rendah. Hantar fail audio dengan kadar bit yang lebih tinggi ke peranti USB.

**“READING” dipaparkan untuk tempoh masa yang lama, atau masa yang lama diambil sebelum main balik bermula.**

- Proses pembacaan boleh mengambil masa yang lama dalam kes yang berikut.
  - Terdapat banyak folder atau fail pada peranti USB (halaman 9).
  - Struktur fail adalah terlalu kompleks.
  - Kapasiti ingatan berlebihan.
  - Ingatan dalaman terserpih.

**“NO FILE” muncul pada paparan.**

- Sistem telah memasuki mod kemas kini perisian, dan semua butang (kecuali I/⏻) dinyahaktifkan. Tekan I/⏻ pada subwufer untuk membatalkan kemas kini perisian.

**“OVER CURRENT” muncul pada paparan.**

- Masalah telah dikesan dengan aras arus elektrik dari port ψ (USB) 1 atau port ψ (USB) 2. Matikan sistem dan cabut peranti USB dari port. Pastikan tidak ada masalah dengan peranti USB. Jika corak paparan ini berterusan, hubungi wakil penjual Sony yang terdekat.

**Paparan beralat.**

- Data yang disimpan pada peranti USB mungkin telah rosak, laksanakan pemindahan sekali lagi.
- Kod aksara yang boleh dipaparkan oleh sistem ini adalah seperti berikut:
  - Huruf besar (A hingga Z)
  - Nombor (0 hingga 9)
  - Simbol (<> \* +, [ ] \ \_)Aksara lain muncul sebagai “\_”.

**Peranti USB tidak dikenali.**

- Matikan sistem dan sambung semula peranti USB, kemudian hidupkan sistem.
- Semak maklumat pada tapak web tentang peranti USB yang serasi (halaman 10).
- Peranti USB tidak berfungsi dengan betul. Rujuk arahan pengendalian peranti USB mengenai cara untuk menangani masalah ini.

**Main balik tidak dimulakan.**

- Matikan sistem dan sambung semula peranti USB, kemudian hidupkan sistem.
- Semak maklumat pada tapak web tentang peranti USB yang serasi (halaman 10).

**Main balik tidak bermula dari fail pertama.**

- Setkan mod main kepada Main Normal (halaman 36).

**Fail tidak dapat dimainkan balik.**

- Pastikan anda telah memilih Mod Media yang betul sebelum main balik.
- Peranti USB yang diformatkan dengan sistem fail selain daripada FAT16 atau FAT32 tidak disokong.\*
- Jika anda menggunakan peranti USB yang dipetakkan, hanya fail pada pemetakan pertama boleh dimainkan balik.

\* Sistem ini menyokong FAT16 dan FAT32, tetapi sesetengah peranti USB mungkin tidak menyokong semua FAT ini. Untuk butir-butir, sila rujuk kepada arahan pengendalian setiap peranti USB atau hubungi pengeluar.

## Gambar

---

### Tidak ada gambar.

- Periksa bahawa sistem telah disambungkan dengan kemas.
- Jika kord video rosak, gantikannya dengan yang baru.
- Pastikan anda menyambungkan subwufer ke jek input video TV anda (halaman 24).
- Pastikan anda menghidupkan TV dan mengendalikan TV dengan betul.
- Pastikan anda memilih input video pada TV supaya anda boleh melihat gambar dari sistem.
- (Kecuali untuk model Amerika Latin, Eropah, dan Rusia) Pastikan anda mengesetkan sistem warna dengan betul, mengikut sistem warna TV anda.

### Hingar gambar muncul.

- Lapkan cakera supaya bersih (halaman 80).
- Jika isyarat video dari sistem anda perlu melalui VCR anda ke TV anda, perlindungan salin yang digunakan untuk sesetengah atur cara DVD VIDEO boleh menjejaskan kualiti gambar.
- (Kecuali untuk model Amerika Latin, Eropah, dan Rusia) Apabila anda memainkan balik VIDEO CD yang dirakamkan dalam sistem warna yang berbeza daripada yang anda setkan untuk sistem, imej gambar mungkin terherot (halaman 29, 42).
- (Kecuali untuk model Amerika Latin, Eropah, dan Rusia) Setkan sistem warna supaya padan dengan TV anda (halaman 29, 42).

### Nisbah aspek skrin TV tidak dapat diubah.

- Nisbah aspek telah ditetapkan pada DVD VIDEO dan fail video.
- Bergantung pada TV, anda mungkin tidak boleh menukar nisbah aspek.

### Bahasa untuk runut bunyi tidak dapat diubah.

- Runut berbilang bahasa tidak dirakamkan pada DVD VIDEO yang dimainkan balik.
- DVD VIDEO melarang penukaran bahasa untuk runut bunyi.

### Bahasa sari kata tidak dapat diubah.

- Sari kata berbilang bahasa tidak dirakamkan pada DVD VIDEO yang dimainkan balik.
- DVD VIDEO melarang penukaran sari kata.

### Sari kata tidak dapat dimatikan.

- DVD VIDEO melarang sari kata dimatikan.

### Sudut kamera tidak dapat diubah.

- Berbilang sudut tidak dirakamkan pada DVD VIDEO yang dimainkan balik.
- DVD VIDEO melarang penukaran sudut.

## Penala\*

---

### **Terdapat dengungan atau hingar yang teruk, atau stesen tidak dapat diterima. ("TUNED" atau "STEREO" berkelip di paparan.)**

- Sambungkan antena dengan betul.
- Tukar lokasi antena dan orientasinya untuk mendapatkan penerimaan yang baik.
- Hubungi wakil penjual Sony anda yang terdekat jika antena AM yang dibekalkan telah terkeluar dari kaki plastik.
- Matikan kelengkapan elektrik yang berdekatan.

\* Radio mungkin tidak diterima bergantung pada keadaan gelombang radio atau persekitaran perumahan di kawasan anda.

## BLUETOOTH peranti

---

### **Berpasangan tidak dapat dilaksanakan.**

- Alihkan BLUETOOTH peranti lebih dekat ke sistem.
- Berpasangan mungkin tidak dapat dilakukan jika peranti BLUETOOTH lain terdapat di sekeliling sistem. Dalam hal ini, matikan peranti BLUETOOTH yang lain.
- Pastikan anda memasukkan kunci maling yang betul semasa memilih nama sistem (sistem ini) pada peranti BLUETOOTH.

### **Peranti BLUETOOTH tidak dapat mengesan sistem, atau "BT OFF" muncul di paparan.**

- Setkan isyarat BLUETOOTH kepada "BT ON" (halaman 57).

### **Sambungan tidak dapat dilakukan.**

- Peranti BLUETOOTH yang anda cuba sambungkan tidak menyokong profil A2DP, dan tidak boleh disambungkan dengan sistem.
- Mendayakan fungsi BLUETOOTH peranti BLUETOOTH.
- Wujudkan sambungan dari peranti BLUETOOTH.
- Maklumat pendaftaran berpasangan telah dipadamkan. Lakukan operasi berpasangan sekali lagi.
- Padamkan maklumat pendaftaran berpasangan bagi peranti BLUETOOTH (halaman 53) dan lakukan operasi berpasangan sekali lagi (halaman 52).

### **Bunyi melompat atau turun naik, atau sambungan hilang.**

- Sistem dan peranti BLUETOOTH adalah terlalu jauh.
- Jika ada halangan di antara sistem dengan peranti BLUETOOTH anda, alihkan atau elakkan halangan.
- Jika terdapat kelengkapan yang menjana sinaran elektromagnet, seperti LAN wayarles, peranti BLUETOOTH lain, atau ketuhar gelombang mikro berdekatan, alihkan supaya jauh.

### **Bunyi peranti BLUETOOTH anda tidak dapat didengar pada sistem ini.**

- Naikkan kelantangan pada peranti BLUETOOTH anda dahulu, kemudian laraskan kelantangan menggunakan  $\triangle$ +/-.

## Terdapat dengungan yang teruk, hingar, atau bunyi terherot.

- Jika ada halangan di antara sistem dengan peranti BLUETOOTH anda, alihkan atau elakkan halangan.
- Jika terdapat kelengkapan yang menjana sinaran elektromagnet, seperti LAN wayarles, peranti BLUETOOTH lain, atau ketuhar gelombang mikro berdekatan, alihkan supaya jauh.
- Turunkan kelantangan peranti BLUETOOTH yang bersambung.

## Rantaian Parti

### Fungsi Parti Rantaian tidak dapat diaktifkan.

- Periksa sambungan (halaman 61).
- Pastikan kord audio disambungkan dengan betul.

### “PARTY CHAIN” sedang berkelip di paparan.

- Anda tidak boleh memilih fungsi Audio In jika anda membuat sambungan **A** (halaman 61) semasa menggunakan fungsi Rantaian Parti. Pilih fungsi yang lain daripada fungsi Audio In (halaman 63).
- Tekan PARTY CHAIN pada subwufer.
- Cuba matikan sistem, kemudian hidupkannya semula.

### Fungsi Rantaian Parti, tidak berjalan dengan baik

- Matikan sistem. Kemudian hidupkannya semula untuk mengaktifkan fungsi Rantaian Parti.

## Mengesetkan semula sistem

Jika sistem masih tidak berfungsi dengan betul, setkan semula sistem kepada pengesetan lalai kilang.

Gunakan butang pada subwufer untuk melaksanakan operasi ini.

- 1 Cabut palam kord kuasa AC, dan kemudian palamkannya balik.
- 2 Tekan I/⏻ untuk menghidupkan sistem.
- 3 Tahan ENTER dan TUNING+/▶▶▶ selama kira-kira 3 saat. “RESET” muncul pada paparan. Semua pengesetan konfigurasi pengguna, seperti stesen radio praset, pemasa, dan jam disetkan semula kepada pengesetan lalai kilang.

## Mengembalikan pengesetan menu persediaan kepada lalai

Anda boleh mengembalikan pengesetan menu persediaan (kecuali untuk pengesetan [PARENTAL CONTROL]) kepada pengesetan lalai.

- 1 Tekan SETUP.
- 2 Tekan ⬆/➡ berulang kali untuk memilih [SYSTEM SETUP], kemudian tekan **+**.
- 3 Tekan ⬆/➡ berulang kali untuk memilih [RESET], kemudian tekan **+**.
- 4 Tekan ⬆/➡ berulang kali untuk memilih [YES], kemudian tekan **+**.  
Ini mengambil masa beberapa saat untuk siap. Jangan tekan I/⏻ semasa mengesetkan semula sistem.

## Fungsi Diagnosis Kendiri

### Apabila huruf/nombor muncul di skrin TV atau paparan

Apabila fungsi diagnosis kendiri diaktifkan untuk menghalang sistem daripada pincang tugas, nombor perkhidmatan muncul. Nombor perkhidmatan terdiri daripada abjad dan angka (contoh, C 13 50). Lihat jadual berikut untuk sebab dan tindakan pembetulan.

3 aksara pertama nombor perkhidmatan	Sebab dan tindakan pembetulan
C 13	Cakera adalah kotor. <ul style="list-style-type: none"><li>Bersihkan cakera dengan kain lembut (halaman 80).</li></ul>
C 31	Cakera tidak dimasukkan dengan betul. <ul style="list-style-type: none"><li>Matikan sistem, kemudian hidupkannya semula. Kemudian masukkan semula cakera dengan betul.</li></ul>
E XX (XX ialah nombor)	Untuk mengelakkan pincang tugas, sistem telah melaksanakan fungsi diagnosis kendiri. <ul style="list-style-type: none"><li>Hubungi wakil penjual Sony anda yang terdekat atau pusat kemudahan servis Sony tempatan yang sah dan berikan nombor perkhidmatan 5 aksara. Contoh: E 61 10</li></ul>

## Mesej

Salah satu mesej berikut mungkin muncul atau berkelip di paparan semasa pengendalian.

### CANNOT PLAY

- Cakera yang tidak boleh dimainkan balik telah dimasukkan.
- DVD VIDEO dengan kod kawasan yang tidak disokong telah dimasukkan.

### CODE 01/SIGNAL ERR

Isyarat audio yang tidak disokong diinput dari TV yang disambungkan ke jek OPT IN. Lihat "Sekiranya tiada bunyi TV didengar dari sistem" (halaman 27).

### DATA ERROR

- Fail dicipta dalam format yang tidak disokong.
- Sambungan fail tidak padan dengan format fail.

### DEVICE ERROR

Peranti USB tidak dapat dikenali atau peranti yang tidak diketahui disambungkan.

### DEVICE FULL

Ingatan peranti USB adalah penuh.

### ERASE ERROR

Pemadaman fail dan folder audio pada peranti USB telah gagal.

### FATAL ERROR

Peranti USB telah ditanggalkan semasa operasi pemindahan atau pemadaman, dan mungkin telah rosak.

### FOLDER FULL

Anda tidak boleh memindah masuk ke peranti USB kerana bilangan folder telah mencapai maksimum.

**GUEST**

Sistem telah menjadi Tetamu Parti kerana fungsi Rantaian Parti telah diaktifkan oleh Hos Parti.

**HOST**

Sistem mengaktifkan fungsi Rantaian Parti dan telah menjadi Hos Parti.

**NO DEVICE**

Tiada peranti USB disambungkan.

**NO DISC**

Tidak ada cakera dalam pemain.

**NO MEMORY**

Tidak ada media ingatan yang dimasukkan ke dalam ingatan yang dipilih untuk main balik atau pindah pada peranti USB (pembaca kad berbilang, dsb.).

**NO MUSIC**

Tiada fail MP3/WMA/AAC wujud dalam sumber main balik.

**NO PHOTO**

Tiada fail JPEG wujud dalam sumber main balik.

**NO STEP**

Semua langkah-langkah yang diatur cara telah dipadamkan.

**NO VIDEO**

Tiada fail MPEG4/Xvid wujud dalam sumber main balik.

**NOT IN USE**

Anda cuba melaksanakan pengendalian tertentu di bawah keadaan yang melarang pengendalian tersebut.

**NOT SUPPORTED**

Peranti USB yang tidak disokong tersambung, atau peranti USB disambungkan melalui hab USB.

**OVER CURRENT**

Arus lebih dari port  $\psi$  (USB) telah dikesan.

**PROTECTED**

Peranti USB adalah terlindung-tulis.

**PUSH STOP**

Anda telah cuba untuk melaksanakan operasi yang boleh dilaksanakan hanya apabila main balik dihentikan.

**READING**

Sistem sedang membaca maklumat daripada cakera atau peranti USB. Sesetengah operasi tidak boleh didapati.

**REC ERROR**

Pemindahan tidak bermula, berhenti separuh jalan, atau tidak dilaksanakan.

**STEP FULL**

Anda cuba mengatur cara lebih daripada 25 langkah.

**TIME NG**

Waktu hidup dan waktu mati Pemasa Main atau Pemasa Rakaman adalah sama.

**TRACK FULL**

Anda tidak boleh memindah masuk ke peranti USB kerana bilangan fail telah mencapai maksimum.

---

## Langkah berjaga-jaga

### Semasa mengangkat subwufer

Untuk mengelakkan kerosakan mekanisme cakera, laksanakan tatacara yang berikut sebelum mengangkat subwufer.

Gunakan butang pada subwufer untuk melaksanakan operasi ini.

- 1 Tekan I/⏻ untuk menghidupkan sistem.
- 2 Tekan FUNCTION, putar tombol MULTI CONTROL untuk memilih "DVD/CD", dan kemudian tekan ENTER.
- 3 Keluarkan cakera.  
Tekan ▲ untuk membuka dan menutup dulang cakera.  
Tunggu sehingga "NO DISC" muncul di paparan.
- 4 Cabut palam kord kuasa AC.

### Nota tentang cakera

- Sebelum dimainkan, lap cakera dengan kain pembersih dari tengah ke arah luar ke pinggir.
- Jangan membersihkan cakera menggunakan pelarut seperti benzin, pencair atau pembersih yang boleh didapati secara komersial atau semburan antistatik yang dimaksudkan untuk LP vinil.
- Jangan mendedahkan cakera kepada cahaya matahari langsung atau punca haba seperti saluran udara panas, atau meninggalkannya di dalam kereta yang diletakkan di bawah cahaya matahari langsung.

### Tentang keselamatan

- Tanggalkan terus kord kuasa AC (kabel sesalur) dari saluran keluar dinding (sesalur) jika ia tidak akan digunakan untuk tempoh masa yang lama. Semasa mencabut palam sistem, sentiasa genggam palam. Jangan sekali-kali tarik kord itu.
- Sekiranya apa-apa objek pepejal atau cecair masuk ke dalam sistem, cabut palam sistem, dan hantar kepada kakitangan yang berkelayakan untuk diperiksa sebelum mengendalikannya semula.
- Kord kuasa AC mestilah ditukar hanya oleh kemudahan servis bertauliah.

### Mengenai pengendalian unit

Sistem ini tidak kalis titisan atau kalis air. Pastikan air tidak dipercikkan pada sistem atau dicuci dengan air.

### Tentang peletakan

- Jangan meletakkan sistem pada kedudukan yang condong atau di lokasi yang sangat panas, sejuk, berdebu, kotor, atau lembap atau kurang pengudaraan yang mencukupi, atau tertakluk pada getaran, cahaya matahari langsung atau cahaya yang terang.
- Berhati-hati apabila menempatkan sistem pada permukaan yang telah dirawat khas (contohnya, lilin, minyak, penggilap) kerana kesan warna atau perubahan warna permukaan boleh terjadi.
- Jika sistem dibawa terus dari lokasi sejuk ke lokasi panas, atau ditempatkan dalam bilik yang sangat lembap, lembapan mungkin memeluwap pada kanta di dalam subwufer, dan menyebabkan sistem pincang tugas. Dalam keadaan ini, keluarkan cakera dan biarkan sistem dihidupkan selama kira-kira sejam sehingga lembapan tersejat.



### Tentang peningkatan haba

- Peningkatan haba pada subwufer semasa pengendalian adalah normal dan tidak perlu dibimbangkan.
- Jangan menyentuh kabinet jika ia telah digunakan secara berterusan pada kelantangan yang tinggi kerana kabinet mungkin telah menjadi panas.
- Jangan menghalang lubang pengudaraan.

### Tentang pembesar suara sistem

Pembesar suara ini tidak berbebat magnet, dan gambar pada set TV yang berhampiran mungkin menjadi terherot magnet. Dalam keadaan ini, matikan TV, tunggu 15 hingga 30 minit, dan hidupkannya semula. Jika tidak ada perbaikan, alihkan pembesar suara jauh dari TV.

#### NOTIS PENTING

**Perhatian:** Jika anda membiarkan imej video pegun atau imej paparan pada skrin dipaparkan pada TV anda untuk tempoh masa yang lama melalui sistem ini, anda mewujudkan risiko kerosakan kekal terhadap skrin TV anda. TV tayangan adalah lebih rentan kepada kesan ini.

### Membersihkan kabinet

Bersihkan sistem ini dengan kain lembut yang dilembapkan sedikit dengan larutan detergen lembut. Jangan menggunakan apa-apa jenis pad las, serbuk penyental, atau bahan pelarut seperti pencair, benzin, atau alkohol.

### Tentang BLUETOOTH komunikasi

- BLUETOOTH peranti harus digunakan dalam jarak kira-kira 10 meter (jarak tidak terhalang) di antara satu sama lain. Julat komunikasi yang berkesan mungkin menjadi lebih pendek dalam keadaan berikut.
  - Apabila manusia, objek logam, dinding atau halangan lain berada di antara peranti dengan sambungan BLUETOOTH
  - Lokasi tempat LAN wayarles dipasang
  - Sekitar ketuhar gelombang mikro yang sedang digunakan
  - Lokasi tempat gelombang elektromagnet lain dijana
- BLUETOOTH peranti dan kelengkapan LAN wayarles (IEEE 802.11b/g) menggunakan jalur frekuensi yang sama (2.4 GHz). Apabila menggunakan peranti BLUETOOTH anda berdekatan dengan peranti yang mempunyai keupayaan LAN wayarles, gangguan elektromagnetik mungkin berlaku. Ini boleh mengakibatkan kadar pemindahan data yang lebih rendah, hingar, atau ketidakupayaan untuk menyambung. Jika ini berlaku, cuba lakukan remedi yang berikut:
  - Gunakan sistem ini sekurang-kurangnya 10 meter jauhnya dari kelengkapan LAN wayarles.
  - Matikan kuasa kelengkapan LAN wayarles apabila menggunakan peranti BLUETOOTH anda dalam jarak 10 meter.
  - Gunakan sistem ini dan peranti BLUETOOTH sedekat yang mungkin antara satu sama lain.

- Gelombang radio yang disiarkan oleh sistem ini boleh mengganggu operasi sesetengah peranti perubatan. Oleh sebab gangguan ini boleh menyebabkan kerosakan, sentiasa matikan kuasa pada sistem ini dan peranti BLUETOOTH di lokasi yang berikut:
  - Di hospital, dalam kereta api, dalam kapal terbang, di stesen minyak, dan di mana-mana tempat gas mudah terbakar mungkin hadir
  - Berhampiran pintu automatik atau penggera kebakaran
- Sistem ini menyokong fungsi keselamatan yang mematuhi spesifikasi BLUETOOTH untuk memastikan penyambungan yang selamat semasa komunikasi menggunakan teknologi BLUETOOTH. Walau bagaimanapun, keselamatan ini tidak mencukupi bergantung pada kandungan pengesetan dan faktor-faktor lain, maka sentiasalah berhati-hati semasa menjalankan komunikasi menggunakan teknologi BLUETOOTH.
- Sony tidak boleh dipertanggungjawabkan dengan apa jua cara untuk ganti rugi atau kerugian yang lain akibat kebocoran maklumat semasa komunikasi menggunakan teknologi BLUETOOTH.
- Komunikasi BLUETOOTH tidak semestinya dijamin dengan semua peranti BLUETOOTH yang mempunyai profil yang sama dengan sistem ini.
- Peranti BLUETOOTH yang disambungkan dengan sistem ini mestilah mematuhi spesifikasi BLUETOOTH yang ditetapkan oleh Bluetooth SIG, Inc., dan mesti dipraktikkan pematuhannya. Namun, walaupun peranti mematuhi spesifikasi BLUETOOTH, mungkin ada kes di mana ciri-ciri atau spesifikasi peranti BLUETOOTH yang menjadikannya mustahil untuk menyambung, atau boleh menyebabkan kaedah kawalan, paparan atau operasi yang berlainan.
- Hingar mungkin berlaku atau audio mungkin terputus bergantung pada peranti BLUETOOTH yang disambungkan dengan sistem ini, persekitaran komunikasi, atau keadaan sekeliling.

## Spesifikasi

### Subwufer Aktif (SA-WGT5D)

#### Bahagian amplifier

Nilai yang berikut diukur pada

AC 120 V – 240 V, 50/60 Hz

Output Kuasa (terkadar):

Saluran Kiri/Kanan: 400 W +

400 W (pada 4 ohm, 1 kHz,

1% THD)

Kuasa output RMS (rujukan):

Saluran Kiri/Kanan: 600 W +

600 W (setiap saluran pada

4 ohm, 1 kHz)

Subwufer: 1,200 W (pada 8 ohm,

100 Hz)

#### Bahagian pembesar suara

Sistem pembesar suara:

Subwufer, Hon Tekanan Bunyi

Unit pembesar suara:

350 mm, jenis kon

Galangan terkadar:

8 ohm

#### Input

AUDIO IN/PARTY CHAIN IN L/R:

Voltan 2 V, galangan 47 kilohm

OPT IN:

Isyarat audio yang disokong:

PCM Linear 2-saluran

MIC 1, MIC 2:

Kepekaan 1 mV, galangan

10 kilohm

#### Output

AUDIO OUT/PARTY CHAIN OUT L/R:

Voltan 2 V, galangan 1 kilohm

VIDEO OUT:

Aras output maks. 1 Vp-p, tidak

seimbang, Galangan beban

negatif sekerak 75 ohm

#### Bahagian pemain cakera

Sistem:

Sistem cakera padat dan audio

dan video digital

Sifat Diod Laser

Tempoh Pemancaran: Berterusan

Output Laser\*: Kurang daripada

44.6  $\mu$ W

\* Output ini ialah ukuran nilai pada

jarak 200 mm dari permukaan

kanta objek pada Blok Ambilan

Optik dengan apertur 7 mm.

Gerak balas frekuensi:

20 Hz – 20 kHz

Format sistem warna video:

Model Amerika Latin:

NTSC

Model lain:

NTSC dan PAL

#### Bahagian USB

Peranti USB yang disokong:

Kelas Storan Massa

Arus maksimum:

1 A

Port USB:

⚡ (USB) 1, ⚡ (USB) 2

Jenis A

#### Bahagian penala

Stereo FM, penala superheterodin FM/

AM

Antena:

Antena kabel FM

Antena gelung AM

#### Bahagian penala FM

Julat penalaan:

87.5 MHz - 108.0 MHz

(langkah 50 kHz)

## Bahagian penala AM

Julat penalaan:

Model Eropah dan Rusia:

531 kHz – 1,602 kHz  
(langkah 9 kHz)

Model Amerika Latin dan  
Australia:

531 kHz – 1,710 kHz  
(langkah 9 kHz)

530 kHz – 1,710 kHz  
(langkah 10 kHz)

Model lain:

531 kHz – 1,602 kHz  
(langkah 9 kHz)

530 kHz – 1,610 kHz  
(langkah 10 kHz)

## Bahagian BLUETOOTH

Sistem komunikasi:

BLUETOOTH Versi piawai 3.0

Output:

BLUETOOTH Kuasa Piawai Kelas 2

Julat komunikasi maksimum:

Garis penglihatan kira-kira 10 m<sup>1)</sup>

Jalur frekuensi:

Jalur 2.4 GHz (2.4000 GHz –  
2.4835 GHz)

Kaedah modulasi:

FHSS (Freq Hopping Spread  
Spectrum)

Serasi BLUETOOTH profil<sup>2)</sup>:

A2DP (Advanced Audio  
Distribution Profile)

AVRCP (Audio Video Remote  
Control Profile)

SPP (Serial Port Profile)

Codec yang disokong:

SBC (Sub Band Codec)

AAC (Advanced Audio Coding)

<sup>1)</sup> Julat sebenar akan berbeza bergantung pada faktor seperti halangan di antara peranti, medan magnet sekitar ketuhar gelombang mikro, elektrik statik, kepekaan penerimaan, prestasi antena, sistem pengendalian, aplikasi perisian, dan sebagainya.

<sup>2)</sup> Profil piawaian BLUETOOTH menunjukkan tujuan komunikasi BLUETOOTH di antara peranti.

## Format audio yang disokong

Kadar bit yang disokong:

MPEG1 Layer-3:

32 kbps – 320 kbps (VBR)

WMA (peranti USB sahaja):

48 kbps – 192 kbps (VBR, CBR)

AAC (peranti USB sahaja):

48 kbps – 320 kbps (VBR, CBR)

Frekuensi pensampelan:

MPEG1 Layer-3:

32 kHz/44.1 kHz/48 kHz

WMA (peranti USB sahaja):

44.1 kHz

AAC (peranti USB sahaja):

44.1 kHz

## Format video yang disokong

Xvid:

Codec video: Video Xvid

Kadar bit: 4.854 Mbps (MAKS)

Resolusi/Kadar bingkai:

720 × 480, 30 fps

720 × 576, 25 fps (kecuali untuk  
model Amerika Latin)

Codec audio: MP3

MPEG4:

Format fail: Format Fail MP4

Codec video: Profil Mudah MPEG4  
(AVC tidak serasi.)

Kadar bit: 4 Mbps

Resolusi/Kadar bingkai:

720 × 480, 30 fps

720 × 576, 25 fps (kecuali untuk  
model Amerika Latin)

Codec audio: AAC-LC (HE-AAC  
tidak serasi.)

DRM: Tidak serasi

## Sistem Pembesar Suara (SS-GT5DB)

Sistem pembesar suara:

2 hala, refleksi bes

Unit pembesar suara (kiri):

Twiter: 50 mm × 1, jenis kon

Julat tengah: 90 mm × 2, jenis kon

Unit pembesar suara (kanan):

Twiter: 50 mm × 1, jenis kon

Julat tengah: 90 mm × 2, jenis kon

Galangan terkadar:

4 ohm

## Am

Keperluan kuasa:

AC 120 V – 240 V, 50/60 Hz

Penggunaan kuasa:

350 W

Penggunaan kuasa (pada mod Jimat Kuasa):

0.5 W (Apabila "BT STBY" disetkan pada "OFF")

2.5 W (Apabila "BT STBY" disetkan pada "ON")

Dimensi (L/T/D) (Kira-kira):

Subwufer aktif:

450 mm × 728 mm × 503 mm

Unit pembesar suara (kiri):

500 mm × 115 mm × 142 mm

Unit pembesar suara (kanan):

507 mm × 115 mm × 142 mm

Unit pembesar suara (dalam hal gaya bar bunyi)

1,000 mm × 115 mm × 142 mm

Jisim (Kira-kira):

Subwufer aktif:

32 kg

Unit pembesar suara (kiri):

3.2 kg

Unit pembesar suara (kanan):

3.2 kg

Kuantiti:

Subwufer aktif:

1 unit

Unit pembesar suara:

2 unit

Rekabentuk dan spesifikasi adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

---

## Senarai kod bahasa

Ejaan bahasa mematuhi piawaian ISO 639:1988 (E/F).

---

<b>Kod</b>	<b>Bahasa</b>	<b>Kod</b>	<b>Bahasa</b>	<b>Kod</b>	<b>Bahasa</b>	<b>Kod</b>	<b>Bahasa</b>
1027	Afar	1186	Scots Gaelic	1350	Malayalam	1513	Siswati
1028	Abkhazian	1194	Galician	1352	Mongolian	1514	Sesotho
1032	Afrikaans	1196	Guarani	1353	Moldavian	1515	Sundanese
1039	Amharic	1203	Gujarati	1356	Marathi	1516	Swedish
1044	Arabic	1209	Hausa	1357	Malay	1517	Swahili
1045	Assamese	1217	Hindi	1358	Maltese	1521	Tamil
1051	Aymara	1226	Croatian	1363	Burmese	1525	Telugu
1052	Azerbaijani	1229	Hungarian	1365	Nauru	1527	Tajik
1053	Bashkir	1233	Armenian	1369	Nepali	1528	Thai
1057	Byelorussian	1235	Interlingua	1376	Dutch	1529	Tigrinya
1059	Bulgarian	1239	Interlingue	1379	Norwegian	1531	Turkmen
1060	Bihari	1245	Inupiak	1393	Occitan	1532	Tagalog
1061	Bislama	1248	Indonesian	1403	(Afan) Oromo	1534	Setswana
1066	Bengali; Bangla	1253	Icelandic	1408	Oriya	1535	Tonga
1067	Tibetan	1254	Italian	1417	Punjabi	1538	Turkish
1070	Breton	1257	Hebrew	1428	Polish	1539	Tsonga
1079	Catalan	1261	Japanese	1435	Pashto; Pushto	1540	Tatar
1093	Corsican	1269	Yiddish	1436	Portuguese	1543	Twi
1097	Czech	1283	Javanese	1463	Quechua	1557	Ukrainian
1103	Welsh	1287	Georgian	1481	Rhaeto-Romance	1564	Urdu
1105	Danish	1297	Kazakh	1482	Kirundi	1572	Uzbek
1109	German	1298	Greenlandic	1483	Romanian	1581	Vietnamese
1130	Bhutani	1299	Cambodian	1489	Russian	1587	Volapük
1142	Greek	1300	Kannada	1491	Kinyarwanda	1613	Wolof
1144	English	1301	Korean	1495	Sanskrit	1632	Xhosa
1145	Esperanto	1305	Kashmiri	1498	Sindhi	1665	Yoruba
1149	Spanish	1307	Kurdish	1501	Sangho	1684	Chinese
1150	Estonian	1311	Kirghiz	1502	Serbo-Croatian	1697	Zulu
1151	Basque	1313	Latin	1503	Singhalese	1703	Tidak dinyatakan
1157	Persian	1326	Lingala	1505	Slovak		
1165	Finnish	1327	Laothian	1506	Slovenian		
1166	Fiji	1332	Lithuanian	1507	Samoan		
1171	Faroese	1334	Latvian; Lettish	1508	Shona		
1174	French	1345	Malagasy	1509	Somali		
1181	Frisian	1347	Maori	1511	Albanian		
1183	Irish	1349	Macedonian	1512	Serbian		

---

## Senarai kod kawasan Kawalan Ibu Bapa

<b>Kod</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Kod</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Kod</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Kod</b>	<b>Kawasan</b>
2044	Argentina	2424	Filipina	2363	Malaysia	2501	Singapura
2047	Australia	2165	Finland	2362	Mexico	2499	Sweden
2046	Austria	2248	India	2390	New Zealand	2086	Switzerland
2376	Belanda	2238	Indonesia	2379	Norway	2528	Thailand
2057	Belgium	2254	Itali	2427	Pakistan	2184	United Kingdom
2070	Brazil	2276	Jepun	2174	Perancis		
2090	Chile	2109	Jerman	2436	Portugal		
2092	China	2079	Kanada	2489	Rusia		
2115	Denmark	2304	Korea	2149	Sepanyol		

<http://www.sony.net/>



**MP3**



\* 4 5 7 0 7 3 4 9 1 \*

(2)